

8

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, dasar kewangan dilaksanakan dalam suasana ekonomi yang sukar, berikutan kesan penularan krisis kewangan serantau ke atas pasaran kewangan dalam negeri dan ekonomi luar. Tumpuan utama ialah untuk memulihkan kestabilan makroekonomi dan pasaran kewangan dalam negeri. Sebagai tindakbalas terhadap perubahan persekitaran ekonomi, Kerajaan terus melaksanakan dasar kewangan yang fleksibel. Pada awal tahun ini, dasar kewangan yang ketat telah diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi dan sistem kewangan serta membendung tekanan inflasi berikutan penyusutan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, krisis yang berlanjutan dan permintaan luar yang perlahan, menimbulkan kesan yang buruk ke atas ekonomi hingga menyebabkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar menguncup sebanyak 4.8% dalam tempoh separuh tahun pertama 1998. Oleh itu, dasar kewangan telah dilonggarkan dan langkah-langkah baru diperkenalkan untuk menyokong proses pemulihan ini. Pada masa yang sama, penekanan diberi bagi mempertingkatkan keberkesanan dan fungsi pasaran wang serta proses perantaraan sistem perbankan agar pembiayaan dapat diberi pada kos yang munasabah.

Dalam suku pertama tahun 1998, pertumbuhan tahunan agregat kewangan utama M1, M2 dan M3 meningkat dengan begitu sederhana masing-masing kepada -11.3%, 15.7% dan 13.7% pada akhir bulan Mac 1998 (masing-masing 4.3%, 22.6% dan 18.5% pada akhir tahun 1997). Pertumbuhan pinjaman yang begitu sederhana dalam tempoh ini adalah akibat jangkaan perniagaan yang kurang baik, kadar faedah yang lebih tinggi dan sikap institusi-institusi kewangan yang lebih berhati-hati dalam memberi pinjaman. Pertumbuhan kredit di kalangan institusi perbankan yang begitu sederhana daripada yang dijangkakan ketika persekitaran pertumbuhan ekonomi yang

perlahan, telah menimbulkan kebimbangan kerana peruntukan sumber secara berkesan kepada aktiviti-aktiviti produktif adalah amat penting dalam usaha untuk merangsangkan pertumbuhan. Keadaan mudah tunai sistem perbankan adalah ketat akibat daripada ketidakcekapan pasaran mata wang yang telah menyukarkan institusi kewangan kecil untuk memperolehi dana antara bank. Persaingan untuk mendapatkan dana seterusnya telah meningkatkan kadar faedah dengan ketara, terutamanya untuk wang jangka pendek bagi beberapa institusi, yang menyebabkan kadar faedah sistem perbankan yang lebih tinggi pada keseluruhannya.

Berikutan penyusutan nilai ringgit yang ketara dan ketidaktentaran dalam pasaran mata wang serta keperluan untuk merasionalisasikan struktur terma kadar faedah, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan secara beransur-ansur kadar faedah perantaraan 3-bulan daripada 10% kepada 11% dalam bulan Februari, bagi mengelakkan aliran keluar modal serta untuk meredakan jangkaan inflasi. Seterusnya, BNM telah menurunkan Nisbah Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement-SRR*) daripada 13.5% kepada 10% daripada tanggungan sistem perbankan yang layak mulai 16 Februari bagi menggalakkan aliran mudah tunai dan mempertingkatkan kecekapan proses perantaraan. Bagi memastikan pengurangan SRR tidak bersifat berkembang dan meningkatkan inflasi, maka dana yang dikeluarkan itu diimbangi oleh dana yang dahulunya dipinjamkan oleh BNM kepada institusi-institusi kewangan. Kadar faedah antara bank satu bulan dan tiga bulan masing-masing berada dalam lingkungan 10%-11.30% dan 9.80%-11.0% kepada 10.85% pada bulan Mac, yang mencerminkan mudah tunai yang ketat. Kadar faedah pinjaman asas (*Base Lending Rate-BLR*) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah lebih tinggi masing-masing pada tahap 11.96% dan 14.23% pada akhir bulan

Mac 1998, yang mencerminkan perkembangan pasaran mata wang (10.33% dan 12.22% pada akhir tahun 1997).

Pertumbuhan kewangan terus sederhana dalam suku kedua tahun 1998, dengan kadar pertumbuhan tahunan M3 berkurangan kepada 7.3% pada akhir bulan Jun, ekoran aktiviti-aktiviti peminjaman yang terus perlahan, akibat institusi-institusi kewangan membuat penyelarasan untuk mengukuhkan kunci kira-kira memandangkan peningkatan pinjaman tak berbayar (*Non-performing Loans-NPLs*). Permintaan agregat yang lemah dan prospek ekonomi jangka pendek yang negatif dalam suasana kadar faedah yang tinggi turut menjejaskan permintaan untuk kredit bank. Mudah tunai terus ketat dan kadar faedah tetap dengan kadar faedah 3-bulan stabil di sekitar 11%. Satu langkah baru untuk operasi pasaran telah diperkenalkan oleh BNM pada 30 April, di mana jangkaan aliran tunai sistem kewangan akan disediakan mengikut tempoh masa yang tetap untuk membantu para pemain pasaran membuat penilaian mengenai keadaan mudah tunai dalam sistem. Ini merupakan sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk mempertingkatkan ketelusan dan menggalakkan penyusunan mudah tunai yang cekap. Sementara itu, BLR purata bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat kepada 12.27% dan 14.70% pada akhir bulan Jun 1998, daripada tahap 11.96% dan 14.23% pada akhir bulan Mac.

Memandangkan penyusutan pertumbuhan yang ketara dalam sektor-sektor ekonomi benar dan sistem perbankan akibat penyusutan yang lebih ketara daripada yang dijangkakan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan permintaan agregat, BNM terus melaksanakan langkah-langkah untuk menangani masalah ini dengan menumpukan perhatian kepada mengurangkan kos dana sektor perbankan agar kadar faedah pinjaman dapat diturunkan. Mulai 1 Mei 1998, lingkungan variasi harian yang dibenarkan untuk baki purata yang diperlukan untuk memenuhi SRR telah diperluaskan kepada $\pm 2\%$ daripada nisbah SRR yang diarahkan, berbanding dengan lingkungan $\pm 0.5\%$ terdahulu. Ini akan memberi institusi perbankan fleksibiliti yang lebih dalam pengurusan operasi mudah tunai harian dan akan mengurangkan kos operasi. Pada 1 Julai, SRR telah dikurangkan 2% lagi iaitu daripada 10% kepada 8%, untuk mempertingkatkan mudah tunai dalam sistem. BNM turut melonggarkan peraturan-peraturan sewa beli bagi pembiayaan kereta persendirian mulai Julai 28, agar dapat memulihkan kembali perkembangan industri kereta.

Margin pembiayaan kereta dinaikkan daripada 70% kepada 85% dan had ke atas tempoh pembayaran balik maksima dihapuskan. Langkah ini diambil untuk mengatasi kuncupan yang ketara dalam jualan kereta persendirian oleh industri kenderaan ekoran peraturan-peraturan sewa beli yang lebih ketat sebelum ini.

Pada bulan Ogos, ekoran kadar inflasi yang menurun dan ketiadaan tekanan-tekanan permintaan serta nilai ringgit yang stabil telah membolehkan BNM melonggarkan dasar kewangan dengan berhati-hati sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk menyokong proses pemulihan ekonomi. Kaedah faedah perantaraan 3-bulan telah dikurangkan daripada 11% kepada 10.5% dan seterusnya kepada 10.0%, yang menghasilkan kadar faedah pinjaman yang lebih rendah. BLR purata bank perdagangan telah menurun daripada 12.27% pada akhir bulan Jun kepada 9.05% pada 9 September 1998. BNM turut fleksibel dalam memastikan pematuhan rancangan kredit, dengan membenarkan institusi yang mempunyai keupayaan memberi pinjaman untuk melewati siling kredit masing-masing. Ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah pelonggaran dasar kewangan.

Pada penghujung bulan Ogos, langkah-langkah baru telah diperkenalkan untuk melonggarkan mudah tunai, berikutan penguncupan pertumbuhan 6.8% dalam KDNK sebenar dalam suku kedua 1998. Antara langkah-langkah ini ialah pengurangan SRR kepada 6% daripada 8% mulai 1 September 1998 dan pengurangan dalam kadar faedah perantaraan daripada 10% kepada 9.5% mulai 28 Ogos. Seterusnya rangka kerja BLR dipinda untuk membolehkan perubahan dasar kewangan berkaitan tahap-tahap kadar faedah dilaksanakan dengan lebih pantas. Kemudiannya, pengiraan BLR dibuat berdasarkan kadar faedah perantaraan 3-bulan BNM dan tidak lagi Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), sementara margin pentadbiran institusi kewangan yang dibenarkan dalam pengiraan BLR telah dikurangkan kepada 2.25% daripada 2.50%. Seterusnya, untuk mengurangkan kos dana kepada para peminjam, margin maksima melebihi BLR yang disebutkan telah dikurangkan daripada 4 peratus kepada 2.5 peratus, mulai 1 Oktober.

Dalam bulan September, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tambahan yang baru untuk mengurangkan kadar faedah dan memperbaiki mudah tunai bagi mempercepatkan

proses pemulihan ekonomi. Berkuat kuasa 3 September, kadar faedah perantaraan BNM telah dikurangkan lagi iaitu kepada 8% daripada 9.5%. Pengurangan ini bertujuan untuk menurunkan BLR maksima bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kepada 9.06% dan 10.76%. Sebagai langkah tambahan untuk melonggarkan mudah tunai, bank perdagangan tidak perlu lagi menyimpan baki 'vostro' institusi perbankan asing dengan BNM. Institusi perbankan turut diberi fleksibiliti yang lebih dalam pengurusan aset-tanggungan mereka. Selain daripada langkah-langkah yang diumumkan dalam bulan Julai bagi penubuhan rangkakerja mudah tunai yang baru, keperluan aset cair bagi bank perdagangan telah dikaji semula untuk mengurangkan kos pegangan aset cair yang dipegang oleh institusi perbankan. Mulai 3 September, keperluan aset cair bank perdagangan telah diturunkan daripada 17% kepada 15%, sementara SRR diturunkan lagi kepada 4%. Namun, keperluan aset cair bagi syarikat kewangan dan bank saudagar dikekalkan pada tahap 10% (12.5% jika mereka mengeluarkan instrumen deposit boleh niaga (IDB)). Seterusnya, pinjaman kepada sektor harta tanah telah dilonggarkan apabila pembiayaan untuk sektor pembinaan dan pembelian harta kediaman berharga RM250,000 ke bawah dikecualikan daripada had 20% ini. Bagi memastikan terdapat dana yang cukup untuk membiayai proses pemulihan ekonomi, institusi perbankan diwajibkan untuk mencapai pertumbuhan pinjaman tahunan minima sebanyak 8% menjelang akhir tahun 1998. Sasaran kredit ini perlu memandangkan pertumbuhan pinjaman tahunan yang tercapai pada akhir bulan Julai 1998 telah menurun daripada tahap tertinggi sebanyak 30.4% pada akhir Jun 1997 kepada 7.5% pada akhir Ogos 1998. Adalah perlu untuk memastikan yang institusi perbankan memenuhi peranan perantaraan mereka dalam pemulihan ekonomi negara. Mulai 5 Oktober, kadar faedah perantaraan BNM dikurangkan lagi kepada 7.5% daripada 8%.

Isu NPL sistem perbankan yang meningkat menjadi penting apabila pertumbuhan ekonomi yang perlahan turut menjejaskan keupayaan siberhutang untuk menjelaskan hutang mereka. Pinjaman tak berbayar sistem perbankan semakin meningkat daripada 4.7% (3-bulan asas bersih) pada akhir 1997 kepada 6.6% pada akhir Februari 1998. Walau bagaimanapun, nisbah modal

berwajaran risiko (*Risk-Weighted Capital Ratio-RWCR*) masih tinggi pada tahap 10.8% pada akhir Februari 1998, iaitu melebihi tahap minima 8% yang ditetapkan oleh Bank of International Settlements. Untuk menjaga kekukuhan institusi perbankan dan mempertingkatkan keupayaannya menghadapi suasana perniagaan yang lebih mencabar, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dalam bulan Mac 1998 untuk memperbaiki rangkakerja pemantauan dan penyeliaan berhemat yang sedia ada. Apabila kesan krisis kewangan semakin terasa, Kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah baru untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan peningkatan lagi NPL sistem perbankan tidak akan mengikis asas peminjaman institusi perbankan.

Dalam bulan Mei 1998, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penubuhan satu syarikat pengurusan aset kebangsaan. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), iaitu syarikat pengurusan aset kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan dalam bulan Jun 1998 dan telah memulakan operasinya pada awal September 1998. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang berkuatkuasa 1 September 1998 memberi kuasa berkanun khas kepada Danaharta untuk memudahkan aktiviti-aktivitinya. Aktiviti utamanya merupakan membeli, mengurus dan menjual NPL serta cagaran yang terbabit. Tujuan utama Danaharta ialah menghapuskan gangguan NPL yang dihadapi oleh institusi kewangan di Malaysia. Penjualan NPL kepada Danaharta dengan bon jaminan Kerajaan atau secara tunai akan membolehkan institusi kewangan memberi tumpuan semula kepada perniagaan utama mereka iaitu memberi pinjaman kepada perniagaan dan pelanggan yang berdaya maju. Ini akan membantu usaha pemulihan ekonomi negara. Danaharta juga akan turut memenuhi objektif untuk memaksimumkan nilai pemulihan aset yang diperolehi (NPL).

Di samping itu, Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) yang mula beroperasi dalam bulan Ogos, telah ditubuhkan untuk mempercepatkan proses pemodalan semula dan penyatuan institusi perbankan tempatan agar dapat meningkatkan ketahanan serta keupayaan mereka untuk menjanakan aktiviti-aktiviti peminjaman yang baru. Ini akan membolehkan mereka untuk terus memainkan peranan utama dalam

menggalakkan perkembangan ekonomi. Semenjak penubuhannya, Danamodal telah pun membuat satu permodalan semula dan ianya dijangka akan selesai antara akhir bulan September dan Oktober 1998. Pada penghujung bulan Ogos 1998, NPL bersih sistem perbankan berada pada tahap 11.4% dan RWCR pada 11.1%.


Penawaran Wang

Perkembangan penawaran wang menjadi perlahan dengan ketara dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, sebahagiannya akibat daripada kesan penguncupan ekonomi benar. Pertumbuhan agregat kewangan yang perlahan juga disebabkan oleh pengetatan kewangan pada awal tahun ini untuk membendung tekanan inflasi, kedudukan mudah tunai yang ketat beberapa institusi perbankan serta keengganan beberapa bank untuk memberi pinjaman berikutan kebimbangan mereka mengenai NPL yang kian meningkat. Pertumbuhan perlahan agregat kewangan yang luas, M3, kepada 4.3% pada akhir bulan Ogos daripada 18.5% pada akhir tahun 1997 mencerminkan perkembangan kewangan yang lebih perlahan. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh kemerosotan peminjaman kepada sektor swasta memandangkan jangkaan perniagaan yang kurang baik, kadar faedah yang lebih tinggi serta dasar peminjaman institusi perbankan yang lebih berhati-hati berikutan dengan peningkatan ketara NPL dalam tempoh yang sama.

Wang secara kecil, M1, yang didefinisikan meliputi matawang dan deposit semasa sektor swasta, telah merosot pada kadar tahunan 16.0% pada akhir bulan Ogos 1998, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.3% pada akhir tahun 1997. Kemerosotan M1 mencerminkan permintaan yang berkurangan untuk matawang dalam edaran, deposit semasa, ekoran kemerosotan aktiviti ekonomi. Deposit semasa merosot sebanyak 27.7% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan pertumbuhan negatif sebanyak 4.4% dalam tempoh yang sama tahun 1997, berikutan kadar faedah yang lebih tinggi dan sentimen kurang baik di pasaran saham. Sementara itu, matawang dalam edaran mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 6.0%, berbanding dengan pertumbuhan positif sebanyak 6.1% untuk tempoh yang sama tahun 1997.

Carta 8.1

Arah Aliran Kewangan



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos)

2/ Pada akhir bulan Ogos 1998

M2, yang merangkumi M1 dan separa wang secara kecil (meliputi pegangan deposit tetap dan tabungan sektor swasta dengan bank perdagangan dan BNM, IDB bersih dan perjanjian pembelian semula (repo)) mencatatkan pertumbuhan perlahan sebanyak 7.2% pada akhir Ogos 1998 (pertumbuhan 22.6% pada akhir tahun 1997). Pertumbuhan yang perlahan ini adalah hasil peningkatan yang lebih perlahan dalam separa wang secara kecil sebanyak 2.7% dalam tempoh lapan bulan pertama 1998 (Januari-Ogos 1997 : 16.1%), berikutan penurunan yang lebih besar dalam deposit tabungan, IDB dan repo. Namun begitu, deposit tetap terus berkembang sebanyak 7.5% dalam tempoh ini, berikutan kadar faedah yang menarik, yang mana telah menyumbang 72.4% daripada separa wang secara kecil pada akhir Ogos 1998.

Kadar pertumbuhan agregat kewangan yang lebih luas, M3, yang merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk repo) yang disimpan dengan institusi perbankan yang lain, iaitu, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam, tetapi tidak termasuk dana yang diletakkan antara

institusi-institusi tersebut, telah berkurangan kepada 4.3% pada akhir bulan Ogos 1998 daripada kadar pertumbuhan tahunan 18.5% pada akhir tahun 1997. Ini disebabkan pertumbuhan perlahan deposit sektor swasta dengan institusi perbankan. Deposit ini, tidak termasuk 'interplacement' telah menyusut sebanyak 0.9% daripada akhir tahun 1997 kepada RM387,179 juta pada akhir bulan Ogos 1998 (12.5% untuk tempoh yang sama tahun 1997).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, kadar pertumbuhan pinjaman kepada sektor swasta telah berkurangan dengan ketara kepada 0.9% atau RM4,015.2 juta, berbanding dengan RM66,232.5 juta atau 14.8% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Kedudukan mudah tunai yang ketat di kalangan beberapa institusi perbankan serta pendekatan yang berhati-hati dan berhemat sistem perbankan, berikutan peningkatan tahap NPL daripada 4.7% (3-bulan asas bersih) pada akhir tahun 1997 kepada 11.4% pada akhir bulan Ogos 1998 adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan penyusutan peminjaman sistem perbankan kepada sektor swasta. Pinjaman kepada sektor-sektor utama ekonomi, iaitu perkilangan, pertanian dan perkhidmatan kewangan berada pada tahap RM110,118.5 juta pada akhir bulan Ogos 1998, iaitu peningkatan sebanyak 2.9% sahaja daripada akhir tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 8.0% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Pinjaman sistem perbankan kepada sektor harta benda yang luas serta penggunaan telah meningkat sedikit, iaitu 2.7% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 kepada RM198,578 juta pada akhir bulan Ogos 1998, berbanding dengan 20.9% untuk tempoh yang sama tahun 1997.

Operasi kewangan Kerajaan telah mendatangkan penguncupan ke atas penawaran wang, yang mencerminkan kejatuhan di dalam pegangan kertas-kertas Kerajaan oleh BNM serta pengumpulan deposit Kerajaan. Sepanjang lapan bulan pertama tahun 1998, tuntutan dalaman bersih ke atas Sektor Awam telah jatuh sebanyak 70.5% berbanding dengan kejatuhan sebanyak 16.4% dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Sektor luar negeri telah menyumbangkan ke atas pengembangan penawaran wang sebanyak RM15,459.1 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan kesan penguncupan sebanyak RM9,636.7 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Rizab antarabangsa bersih BNM dalam tempoh ini telah merosot RM1,267.1 juta kepada RM57,855.7 juta pada akhir bulan Ogos 1998. Pada

masa yang sama, sistem perbankan telah berupaya mengubah kedudukan luaran mereka daripada tanggungan luaran bersih sebanyak RM15,638.6 juta pada akhir tahun 1997 kepada kedudukan aset luaran bersih sebanyak RM1,087.6 juta pada akhir bulan Ogos 1998.

"Pengaruh-pengaruh lain" yang merangkumi faktor sisaan (termasuk keuntungan yang tidak diagihkan, modal berbayar dan rizab sistem perbankan, serta bil-bil BNM yang akan matang yang dipegang oleh sektor swasta bukan bank) telah memberi kesan penguncupan ke atas penawaran wang sebanyak RM16,729.6 juta dalam tempoh lapan bulan yang pertama tahun 1998.

Mudahtunai Bank dan Pasaran Wang

Mudahtunai dalam sistem perbankan berkurangan sedikit dalam tempoh separuh pertama tahun 1998, disebabkan perkembangan yang tidak menggalakkan dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran modal serta ketidakcekapan dalam proses perantaraan yang timbul pada awal tahun 1998. Justeru, dasar kewangan tertumpu kepada pengurusan mudahtunai untuk memastikan adanya mudahtunai yang cukup dalam sistem perbankan bagi memudahkan pemulihan ekonomi dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang negatif. Selaras dengan ini, BNM telah memperkenalkan beberapa langkah dalam sembilan bulan pertama tahun 1998 untuk menambahkan mudahtunai dalam sistem. Langkah-langkah ini termasuklah mengurangkan SRR bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar secara beransur-ansur daripada 13.5% dalam bulan Februari kepada 4% dalam bulan September. Untuk meningkatkan ketelusan dan menggalakkan pengurusan mudahtunai yang cekap oleh institusi perbankan, BNM turut memperkenalkan prosedur baru bagi operasi pasaran agar para pemain pasaran dapat membuat penilaian berkesan mengenai keadaan mudahtunai. Mulai 30 April 1998, BNM akan mengumumkan maklumat mengenai operasi hariannya dalam pasaran wang sebagai sebahagian daripada usahanya untuk meningkatkan ketelusan dan menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai operasi pasaran wang BNM serta kesannya ke atas mudahtunai dalam negeri. Seterusnya, kadar faedah perantaraan BNM telah dikurangkan sementara langkah-langkah telah diambil untuk memastikan yang pengiraan BLR adalah berdasarkan kadar faedah perantaraan ini, dan bukannya KLIBOR. Kesemua langkah ini bertujuan

memperbaiki kedudukan mudah tunai sistem perbankan agar lebih banyak dana dapat disediakan untuk para peminjam pada kadar faedah yang lebih rendah bagi membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi.

Jumlah deposit (termasuk repo) yang digerakkan oleh sistem perbankan telah merosot sebanyak RM10,665.8 juta atau 2.5% sepanjang lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM48,404.8 juta atau 13.5% dalam tempoh yang sama tahun 1997, yang mencerminkan kesan negatif krisis kewangan ke atas sektor kewangan. Sebahagian besar kemerosotan deposit adalah disebabkan kejatuhan dalam deposit bank perdagangan, yang merupakan 48.1% atau RM5,131.0 juta daripada jumlah kejatuhan deposit, sementara syarikat kewangan dan bank saudagar masing-masing merangkumi 37.0% dan 14.9%. Kadar pertumbuhan tahunan jumlah deposit telah meningkat sebanyak 4.1% pada akhir bulan Ogos 1998, berbanding dengan 21.2% pada akhir tahun 1997.

Jumlah pinjaman dan pendahuluan sistem perbankan meningkat sebanyak RM990.8 juta atau 0.2% sepanjang lapan bulan yang pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM59,545.2 juta atau 17.9% dalam tempoh yang sama tahun 1997, mencerminkan sebahagian daripada kesan pengucupan dalam perbelanjaan dalam negeri. Pada akhir bulan Ogos 1997, sebahagian besar jumlah pinjaman telah disalurkan untuk pembiayaan sektor harta benda yang luas (35.1%), perkilangan (15.5%) dan kredit penggunaan (12.0%). Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman berkurangan dengan ketara kepada 7.5% pada akhir bulan Ogos 1998 (Ogos 1997 : 28.9%). Kemerosotan dalam permintaan dalam negeri dan pengucupan dalam ekonomi benar telah mendatangkan kesan buruk kepada keupayaan siberhutang untuk menjelaskan hutang mereka. Berikutan itu, NPL bersih sistem perbankan telah meningkat, walau pun RWCR sistem perbankan telah menjadi lebih baik dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998. Peningkatan NPL disebabkan oleh pinjaman yang diberi kepada sektor harta benda yang luas serta pembiayaan saham, masing-masing dengan nisbah NPL sebanyak 15.6% dan 29.3% pada akhir bulan Ogos 1998. Dengan deposit yang merosot berbanding pinjaman, sistem perbankan mengalami jurang sumber sebanyak RM11,374.3 juta sepanjang lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan jurang sumber sebanyak RM8,302.0 juta dalam tempoh

yang sama tahun 1997. Dengan ini, nisbah pinjaman-deposit telah meningkat daripada 92.7% pada akhir tahun 1997 kepada 95.2% pada akhir bulan Julai 1998.

Urusniaga dalam **pasaran wang antara bank** cergas dalam tempoh lapan bulan pertama 1998, disebabkan oleh pengagihan dana cair yang tidak sama di antara institusi kewangan. Purata bulanan dana yang diurusniagakan di pasaran ialah kira-kira RM151,175.7 juta sepanjang lapan bulan yang pertama tahun 1998, berbanding dengan purata bulanan RM114,365.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Kebanyakan dana yang diurusniagakan merupakan dana jangka pendek, dengan wang semalaman sebanyak RM82,131.9 juta daripada jumlah keseluruhan urusniaga dalam bulan Ogos 1998.

Pada keseluruhannya, kadar antara bank telah meningkat walaupun mengalami sedikit turun naik dalam tempoh lapan bulan pertama 1998. Kadar antara bank purata untuk kematangan 7-hari sehingga 6-bulan bagi bulan Ogos berada pada lingkungan 9.19%-10.09% (8.30% - 10.57% dalam bulan Disember 1997). Ini merupakan arah aliran yang telah bermula dalam separuh kedua tahun 1997. Kadar faedah antara bank 3-bulan purata telah meningkat daripada 7.67% pada bulan Mei 1997 kepada 8.60% pada akhir tahun 1997 dan seterusnya kepada 11.00% pada bulan April 1998 sebelum memuncak pada tahap 11.07% dalam bulan Jun. Ianya kemudian jatuh sedikit kepada 10.14% dalam bulan Ogos 1998. Kadar semalaman turut meningkat daripada 8.30% pada akhir tahun 1997 kepada tahap tertinggi 10.59% dalam bulan April sebelum jatuh sedikit kepada 9.19% dalam bulan Ogos 1998. Selaras dengan pergerakan kadar antara bank, kadar mod deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk semua kematangan masing-masing berada pada lingkungan 9.00% - 9.50% (akhir tahun 1997 : 7.50% - 9.50%) dan 10.00% - 10.50% (akhir tahun 1997 : 9.50% - 11.50%) pada akhir bulan Ogos 1998. Bagi deposit simpanan pula, kadar faedah untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing telah meningkat sedikit daripada 3.50% dan 5.00%/6.00% pada akhir tahun 1997 kepada 3.28%/3.50%/3.70% dan 6.00% pada akhir bulan Ogos 1998. BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing telah meningkat kepada 11.70% dan 14.17% pada akhir bulan Ogos

1998, berbanding dengan 10.33% dan 12.22% pada akhir tahun 1997, yang mencerminkan kos dana yang lebih tinggi.

Bank Perdagangan

Jumlah sumber bank perdagangan, yang termasuk modal dan rizab, deposit, pinjaman daripada lain-lain institusi kewangan, Penerimaan Juru Bank dan tanggungan lain seperti faedah tergantung, peruntukan untuk hutang lapuk dan hutang ragu serta pinjaman daripada BNM dan bil diskaun BNM, telah menguncup sebanyak 6.4% atau RM31.0 bilion sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 17.1% atau RM61.6 bilion dalam tempoh yang sama 1997. Penyusutan dalam jumlah sumber disebabkan oleh kejatuhan dalam deposit dan simpanan antara bank. **Deposit baru**, termasuk IDB, Tabung Pelaburan Baru (TPB), deposit khas dan repo yang dikumpulkan oleh bank perdagangan menguncup sebanyak 2.6% atau RM7,672.1 juta sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997 : peningkatan sebanyak 9.8%) berikutan penguncupan dalam ekonomi sebenar serta kejatuhan dalam pendapatan boleh belanja (Januari-Julai 1997 : peningkatan sebanyak 9.8%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1. Deposit yang disimpan dengan bank perdagangan melibatkan 69.3% daripada jumlah besar deposit yang disimpan dengan sistem perbankan.

Sebahagian besar sumber bank perdagangan (63.3%) telah digunakan untuk membiayai pinjaman sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998. **Pinjaman dan pendahuluan baru** bank perdagangan berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.3% kepada RM285,145.5 juta (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Bhd) pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 15.1% kepada RM250,757.4 juta pada akhir bulan Julai 1997, yang mencerminkan permintaan kredit yang lebih lemah oleh sektor swasta serta mudah-tunai yang ketat yang dihadapi oleh beberapa bank. Sebahagian besar pinjaman baru (65.7% atau RM6,328.7 juta) pada tempoh tujuh bulan pertama 1998 telah disalurkan kepada sektor harta benda yang luas, diikuti oleh sektor perkilangan (26.9% atau RM2,594.3 juta) serta sektor perdagangan (13.8% atau RM1,334.06 juta). Pada akhir bulan

Jadual 8.1
Bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1998
	1997 Januari-Julai		1998 Januari-Julai		RM juta
	RM juta	%	RM juta	%	
Deposit Semasa	45.9	0.1	-11,553.3	-26.4	32,293.1
Deposit Tabungan	-1,734.6	-6.2	-2,357.5	-9.1	23,496.9
Deposit Tetap	12,398.8	9.7	9,762.1	5.9	174,892.7
IDB ¹	7,903.3	29.2	-2,751.9	-6.9	36,908.7
Repo	2,958.3	24.6	-2,549.1	-16.9	12,511.8
Lain-lain ²	2,326.6	38.6	1,777.5	16.2	12,782.8
JUMLAH	23,898.3	9.8	-7,672.1	-2.6	292,886.0

¹ Instrumen deposit boleh niaga.


² Termasuk Tabungan Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Julai 1998, nisbah pinjaman kepada sektor harta benda yang luas kepada jumlah besar pinjaman masih pada tahap tinggi iaitu pada 35.9% disebabkan oleh pinjaman yang dijanjikan terdahulu (akhir bulan Julai 1997: 34.2%). Pinjaman untuk perumahan melibatkan 13.9% daripada jumlah pinjaman yang diberi kepada sektor harta benda yang luas pada akhir bulan Julai 1998 (akhir bulan Julai 1997 : 12.7%). Walau bagaimanapun, berikutan kejatuhan dalam pendapatan boleh-guna dan langkah-langkah yang diperkenalkan pada awal tahun 1998 untuk mengekang perbelanjaan penggunaan, kredit penggunaan telah menyusut dengan ketara sebanyak 11.3% atau RM1,090.52 juta dalam tempoh yang dikaji (Januari-Julai 1997 : RM4,197 juta).

Pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan termasuklah yang diberi kepada **sektor yang diberi keutamaan**, seperti masyarakat perniagaan Bumiputera, perumahan dan perusahaan berskala kecil di bawah Skim Jaminan Utama Baru (SJUB), Syarikat Jaminan Kredit (*Credit Guarantee Corporation-CGC*). Seperti yang dikehendaki oleh Garispanduan Pemberian Pinjaman, bank perdagangan diperlukan memperoleh sekurang-kurangnya jaminan


Carta 8.2
Bank Perdagangan



1/ Termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repo)

2/ Deposit bersih merujuk kepada lebih deposit bank-bank perdagangan berbanding dengan pinjaman dalam tiap-tiap suku tahunan manakala pinjaman bersih merujuk kepada lebih pinjaman berbanding dengan deposit.

3/ Pada akhir bulan Jun 1998.



perlindungan RM1 bilion daripada CGC untuk pinjaman yang kurang daripada RM500,000, bagi setiap pinjaman di mana sekurang-kurangnya separuh daripada kuota tersebut hendaklah diberikan kepada peminjam Bumiputera. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pinjaman kepada peminjam Bumiputera telah meningkat sedikit sebanyak 0.5% atau RM336.6 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 8.0% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Pada akhir bulan Julai 1998, jumlah pinjaman yang disalurkan kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM75,608.8 juta atau 32.8% daripada keseluruhan pinjaman, melebihi daripada keperluan sasaran 30% yang ditetapkan oleh Garispanduan Pemberian Pinjaman BNM 1998, yang berkuatkuasa April 1998. Daripada pinjaman ini, sebanyak RM12,673.8 juta atau 18.5% telah disalurkan kepada pembinaan, sementara RM8,461.1 juta atau 12.3% disalurkan kepada perkilangan dan RM6,255.2 juta atau 9.1% disalurkan kepada sektor perumahan. Pada akhir bulan Julai 1998, bank perdagangan telah membiayai pembelian 19,703 unit rumah berharga RM100,000 ke bawah atau 39.4% daripada sasaran (sekurang-kurangnya separuh daripada 100,000 unit rumah menjelang akhir bulan Mac 1999). Bank perdagangan secara keseluruhannya telah menyalurkan RM4,495.3 juta pinjaman di bawah jaminan perlindungan SJUB, CGC. Bagi pinjaman baru bernilai RM500,000 ke bawah yang diluluskan dan dikeluarkan kepada perniagaan-perniagaan bersaiz kecil dan sederhana di bawah Garispanduan Pemberian Pinjaman BNM 1998, bank perdagangan secara keseluruhannya telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM174.5 juta.

Kedudukan mudahtunai bank perdagangan pada keseluruhannya ketat sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 1998. Nisbah kecairan bank perdagangan berada pada tahap 16.7% pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan 17.0% pada akhir tahun 1997. Kemerosotan sebanyak 2.6% dalam deposit yang disimpan dengan bank perdagangan, berbanding dengan pertumbuhan pinjaman sebanyak 3.3% menyebabkan bank perdagangan mencatatkan jurang pinjaman-deposit sebanyak RM16,701 juta sepanjang tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997 : RM9,038.5 juta). Ekoran itu, nisbah pinjaman-deposit bagi bank perdagangan telah meningkat kepada 97.4% pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 91.9% pada akhir tahun 1997.

Jadual 8.2**Bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman**

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1998
	1997		1998		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	1,072.0	24.2	387.73	6.6	6,305.3
Perlombongan dan kuari	31.0	5.1	349.79	44.5	1,136.6
Perkilangan	2,000.0	4.2	2,594.30	4.7	57,546.3
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	2,234.0	9.1	489.01	1.7	28,747.3
Pembinaan	5,192.0	26.4	1,656.59	5.7	30,813.4
Perdagangan Am	2,331.0	9.7	1,334.06	4.5	30,812.1
Pengangkutan dan penyimpanan	1,750.0	39.7	1,267.64	14.7	9,884.4
Hartanah	-1,279.0	-9.7	-424.98	-3.4	11,955.5
Perumahan ¹	2,143.5	11.2	3,223.27	11.7	27,650.1
Pelbagai	17,463.0	28.8	-1,848.52	-2.3	80,294.4
JUMLAH ¹	32,936.8	15.1	9,028.9	3.3	285,145.5

¹ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kadar faedah mod deposit tetap bank perdagangan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 100 kepada 300 mata asas sepanjang tujuh bulan pertama 1998, yang mencerminkan keadaan mudahtunai. Kadar faedah mod deposit tetap bagi kematangan 1-bulan, 3-bulan, 6-bulan dan 12-bulan telah meningkat masing-masing daripada 7.50%, 9.40%, 9.50% dan 9.50% setahun pada akhir tahun 1997 kepada 10.5%, 10.75%, 10.30%-11.00% dan 10.50% setahun pada akhir bulan Julai 1998. Kadar faedah mod deposit tabungan telah meningkat kepada 4.36% setahun dalam bulan Julai 1998 berbanding dengan lingkungan 3.25% kepada 3.35% setahun pada akhir tahun 1997. Kadar faedah purata wajaran harian antara bank pasaran wang untuk kebanyakan tempoh matang telah meningkat daripada lingkungan 8.81% kepada 9.33% setahun

pada akhir tahun 1997 kepada lingkungan 10.75% kepada 11.30% setahun pada akhir bulan Julai 1998. Kos dana purata telah meningkat sebanyak 165 mata asas kepada 8.17% setahun pada akhir bulan Julai 1998 selaras dengan peningkatan dalam kadar faedah antara bank pasaran wang (akhir tahun 1997 : 6.52% setahun). Sementara itu, kadar faedah pinjaman purata turut meningkat sebanyak 13.47% setahun pada akhir bulan Julai 1998 daripada 11.51% setahun pada akhir tahun 1997. Dengan peningkatan kadar faedah pinjaman purata yang lebih tinggi daripada kos purata dana, margin faedah kasar telah menjadi semakin luas sebanyak 31 mata asas iaitu daripada 4.99% pada akhir tahun 1997 kepada 5.30% pada akhir bulan Julai 1998.

Pada akhir bulan Julai 1998, terdapat sebanyak 35 bank perdagangan yang beroperasi di negara ini, di mana 22 buah merupakan bank tempatan dan 13 buah yang lain merupakan bank yang dikuasai oleh pihak asing. Jumlah bilangan pejabat cawangan bank tempatan meningkat kepada 1,557 pada akhir bulan Julai 1998 daripada 1,484 pada akhir bulan Julai 1997; sementara pejabat cawangan bank di bawah penguasaan asing pula kekal sebanyak 144. Pada akhir bulan Julai 1998, bilangan bank perdagangan yang diiktirafkan sebagai Kumpulan 1 kekal sebanyak 10, sebagaimana pada penghujung tahun 1997.

Perbankan Islam

Perkhidmatan perbankan Islam yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) serta 52 institusi kewangan yang lain (25 bank perdagangan, 22 syarikat kewangan dan 5 bank saudagar) di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) turut terjejas akibat kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang melanda rantau ini sejak pertengahan tahun lepas. Jumlah aset sistem perbankan Islam (SPTF dan BIMB) merosot sebanyak 24.3% sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998 kepada RM13,542 juta pada akhir bulan Julai tahun 1998 (Julai 1997: RM12,983 juta). Jumlah deposit yang dikumpulkan oleh sistem perbankan Islam meningkat sebanyak 2.8% kepada RM10,172 juta pada akhir bulan Julai tahun 1998 berbanding dengan RM9,895 juta pada akhir tahun lalu, sementara jumlah pembiayaan mencatatkan penurunan sebanyak 0.8% kepada RM10,660 juta. Sebahagian besar tambahan deposit diperolehi daripada produk yang baru diperkenalkan, iaitu

Sijil Hutang Secara Islam Boleh Niaga (SHIBN) berjumlah RM703 juta dan deposit pelaburan am dan khas, masing-masing berjumlah RM3,574 juta dan RM1,588 juta. SHIBN ditawarkan oleh BIMB kepada para pelanggannya mulai bulan Mac 1998. Sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998, deposit simpanan dan deposit semasa masing-masing merosot sebanyak 2.2% dan 23.9%, mencerminkan kesan kejatuhan dalam pendapatan per kapita serta pengurangan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Dari segi pembiayaan mengikut sektor, sebahagian besar pembiayaan disalurkan kepada sektor perumahan (29% atau RM3,094 juta daripada jumlah pembiayaan), sementara 17.2% telah disalurkan kepada sektor pembinaan dan hartanah (RM1,835 juta). Pembiayaan yang disalurkan kepada sektor pembuatan adalah sebanyak RM1,092 juta atau 10.2% daripada keseluruhan pembiayaan yang diberikan oleh sistem perbankan Islam.

Pasaran Wang Antara Bank secara Islam mencatatkan nilai urus niaga sebanyak RM68,745 juta sepanjang tujuh bulan pertama 1998. Ini merupakan 24.7% lebih rendah berbanding dengan RM97,333 juta yang diurusniagakan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Urusniaga yang dicatatkan bagi Bil Penerimaan Secara Islam berjumlah RM1,339 juta sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998, sementara Penerimaan Juru Bank Hijau pula bernilai RM7,747 juta.

Syarikat-syarikat Kewangan

Jumlah sumber syarikat kewangan telah merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998. **Jumlah sumber** (terutamanya modal dan rizab, deposit dan pinjaman dari lain-lain institusi kewangan) yang dikumpulkan oleh syarikat kewangan telah merosot sebanyak 11.9% kepada RM134,305.2 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 17.9% kepada RM141,233.4 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Kemerosotan jumlah sumber disebabkan oleh deposit dan pinjaman dari lain-lain institusi kewangan yang lebih rendah. **Jumlah deposit** syarikat kewangan telah merosot sebanyak 1.8% kepada RM4,567.3 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 17.1% dalam tempoh yang sama tahun 1997, yang mencerminkan pendapatan boleh-guna yang lebih rendah serta aktiviti ekonomi yang perlahan.

Operasi pemberian pinjaman syarikat kewangan turut menguncup sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998, seiring dengan kejatuhan dalam sumber. **Jumlah pinjaman** yang disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi telah merosot sebanyak 10% kepada RM92,320.8 juta pada akhir bulan Julai 1998 berbanding dengan pertumbuhan positif sebanyak 18.2% dalam tempoh yang sama 1997.

Deposit baru yang dikumpulkan oleh syarikat kewangan merosot sebanyak RM1,944.4 juta sepanjang tujuh bulan yang pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM15,500.1 juta dalam tempoh yang sama 1997. Para pendeposit yang terbesar merupakan individu (48.4%), institusi-institusi kewangan (13.7%), badan-badan perniagaan (11.2%) dan Kerajaan serta badan-badan berkanun (8.3%). Dari segi jenis deposit yang dikumpulkan, hanya deposit tetap dan deposit SPTF mencatatkan peningkatan dalam tempoh tersebut. Deposit tabungan, IDB, repo dan lain-lainnya mencatatkan kemerosotan dalam tempoh tersebut. Deposit tetap meningkat sebanyak 8.0% daripada akhir tahun 1997 kepada RM80,802.5 juta pada akhir bulan Julai 1998, berikutan kadar faedah yang lebih tinggi yang ditawarkan untuk deposit sedemikian. Deposit tabungan merosot sebanyak 17.0% atau RM522.8 juta sepanjang tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 6.8% dalam tempoh yang sama tahun 1997. IDB yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan telah jatuh dengan ketara sebanyak 22.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 3.1% dalam tempoh yang sama 1997. Pada akhir bulan Julai 1998, jumlah deposit syarikat kewangan adalah sebanyak RM104,567.3 juta, yang merupakan 16.9% daripada jumlah sumber sistem perbankan. Daripada jumlah keseluruhan deposit sebanyak 78.1% merupakan deposit tetap, sementara IDB dan deposit tabungan masing-masing merangkumi 13.8% dan 2.9% pada akhir bulan Julai 1998.

Selaras dengan pendekatan yang lebih berhati-hati dan berhemat terhadap peminjaman memandangkan NPL yang kian meningkat, **aktiviti pinjaman** syarikat kewangan menguncup sepanjang tujuh bulan pertama 1998. Berikutan itu, jumlah pinjaman dan pendahuluan baru merosot sebanyak 10.0% atau RM10,225 juta kepada RM92,320.8 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 18.4% dalam tempoh yang sama 1997. Pinjaman

Jadual 8.3

Syarikat Kewangan: Deposit

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Julai 1998
	1997		1998		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit Tabungan	-375.0	-6.8	-522.8	-17.0	3,070.3
Deposit Tetap	13,308.5	19.8	5,967.8	8.0	80,802.5
Deposit SPTF ¹	233.4	25.6	306.3	24.8	39.2
IDB ²	470.2	3.1	-4,196.7	-22.4	14,555.2
Repo	910.2	30.3	-3,472.5	-44.1	4,404.9
Lain-lain	14.7	6.3	-26.6	-12.0	195.2
JUMLAH	15,500.1	17.1	-1,944.4	-1.8	104,567.3

¹ Skim Perbankan Tanpa Faedah

² Instrumen deposit boleh niaga.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

yang disalurkan untuk perumahan meningkat sebanyak 9.2% (RM599.5 juta) sementara pinjaman bagi perdagangan am merosot sebanyak 2.6% (RM102.8 juta) dan hartanah merosot sebanyak 2.2% (RM80.6 juta). Oleh kerana kejatuhan dalam pinjaman lebih besar daripada kuncupan dalam deposit sepanjang tujuh bulan yang pertama 1998, syarikat kewangan dapat mencatatkan lebih sumber yang lebih besar sebanyak RM12,994.5 juta pada akhir bulan Julai 1998 (1997 : RM4,729.8 juta). Berikutan itu, nisbah pinjaman-deposit merosot kepada 87.7% pada akhir bulan Julai daripada 95.6% pada akhir tahun 1997.

Kadar faedah mod deposit tetap syarikat kewangan untuk semua jenis kematangan meningkat dalam tujuh bulan pertama 1998, mencerminkan keadaan mudahtunai. Kadar faedah mod untuk deposit satu bulan, tiga bulan dan enam bulan meningkat sebanyak 30 mata asas kepada 11.30% setahun untuk tempoh Januari-Julai 1998 (akhir tahun 1997 : masing-masing 10.50%, 10.80% dan 10.50%). Sementara itu, kadar faedah untuk dua belas bulan telah meningkat sebanyak 80 mata asas kepada 11.30% (akhir tahun 1997 : 9.80%). Kadar faedah mod deposit tabungan turut meningkat kepada lingkungan 6.00% kepada 7.00% setahun pada akhir bulan Julai 1998 daripada lingkungan 4.00% kepada 5.00% setahun pada akhir tahun 1997.

Jadual 8.4

Syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir Julai 1998
	1997		1998		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	122.0	11.9	-170.8	-13.2	1,123.7
Perlombongan dan kuari	126.0	44.2	-56.9	-12.3	404.6
Perkilangan	564.0	14.7	-513.8	-9.3	5,023.1
Pembinaan	2,042.0	38.8	-470.8	-5.6	7,912.5
Hartanah	555.0	16.6	-80.6	-2.2	3,639.1
Kredit penggunaan	-47.0	-1.4	-497.9	-14.6	2,904.0
Pembelian stok/saham	2,385.0	30.8	-1,406.0	-14.1	8,578.3
Perumahan*	-289.1	-3.9	599.5	9.2	7,121.5
Perdagangan am	757.0	30.4	-102.8	-2.6	3,918.1
Pelbagai	8,235.2	17.3	-7,012.3	-11.9	51,695.8
JUMLAH	15,153.8	18.4	-10,225.0	-10.0	92,320.8

* Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Selaras dengan peningkatan kadar faedah deposit tetap, **kos deposit purata** syarikat kewangan telah meningkat daripada 8.28% dalam bulan Disember 1997 kepada 10.48% setahun pada akhir bulan Julai 1998. Kadar faedah pinjaman purata mencatatkan peningkatan sebanyak 91 mata asas kepada 13.07% setahun pada akhir bulan Julai 1998 daripada 12.16% setahun pada akhir tahun 1997. Dengan peningkatan kos deposit purata yang lebih perlahan daripada kadar faedah pinjaman purata, margin faedah kasar berada pada tahap 2.59% pada akhir bulan Julai 1998. Seiring dengan peningkatan kos deposit purata, BLR mod syarikat kewangan turut meningkat kepada 14.49% setahun pada akhir bulan Julai 1998 daripada 12.22% setahun pada akhir tahun 1997.

Dari segi pembiayaan kepada **sektor-sektor yang diberi keutamaan** seperti terkandung dalam

Garispanduan Pemberian Pinjaman BNM 1998, berkuatkuasa bulan April 1998, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera adalah sebanyak RM33,766.8 juta (40.3%) daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir bulan Julai 1998. Bagi pemberian pinjaman kepada individu untuk membeli rumah berharga RM100,000 ke bawah, syarikat kewangan secara keseluruhannya diwajibkan membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada 40,000 unit menjelang akhir bulan Mac 1999. Pada bulan Julai 1998, syarikat-syarikat kewangan secara keseluruhannya telah memberi pinjaman untuk pembelian 3,657 rumah atau 18.3% daripada sasaran.

Memandangkan industri syarikat kewangan yang kecil dan berasingan, rancangan untuk menggabungkan syarikat-syarikat kewangan telah diutarakan pada lewat tahun 1980an. Dengan timbulnya krisis serantau dan perlunya industri ini diperkukuhkan, menguatkan lagi untuk rancangan penggabungan ini dilaksanakan. BNM telah mengenalpasti empat syarikat kewangan Kumpulan 1 dan satu dua syarikat kewangan yang lain sebagai syarikat kewangan utama untuk bergabung dengan syarikat-syarikat kewangan bersaiz kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat kewangan telah diberi sehingga 31 Mac 1998 untuk mengenalpasti rakan kongsi penggabungan mereka serta mencapai persetujuan pada prinsipnya terma dan syarat penggabungan. Setakat 16 September 1998, hanya satu penggabungan telah selesai iaitu penyerapan RHB Finance Berhad oleh syarikat induknya, RHB Bank Berhad. Penggabungan lain yang dicadangkan di bawah kaedah penyerapan kini berada pada peringkat terakhir. Dalam hal syarikat kewangan kecil bergabung dengan syarikat kewangan utama, kebanyakan syarikat-syarikat yang terlibat kini berada pada peringkat 'due diligence' atau peringkat akhir. Seterusnya, dua syarikat kewangan Kumpulan 1, iaitu Arab-Malaysian Finance Berhad dan Maybank Finance Berhad telah menandatangani perjanjian Jual Beli dengan rakan gabungan masing-masing iaitu Abrar Finance Berhad dan Amanah Finance Berhad. Setakat ini tiada rancangan dikemukakan untuk penglulusan bagi syarikat kewangan di bawah kaedah sekutu strategik.

Dengan RHB Bank Berhad menyerap anak syarikatnya RHB Finance Berhad, kini terdapat 38 syarikat kewangan yang beroperasi dalam negara, yang mana sepuluh adalah anak syarikat milik penuh bank perdagangan tempatan dan empat

adalah anak syarikat bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia. Pada akhir bulan Julai 1998, terdapat 1,103 cawangan syarikat kewangan milik Malaysia dan 13 cawangan syarikat kewangan milik asing. Terdapat empat syarikat kewangan Kumpulan 1 pada akhir bulan Julai 1998.

Bank Saudagar

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, aktiviti perantaraan bank saudagar menunjukkan kemerosotan yang ketara. Jumlah sumber yang dikumpulkan oleh bank saudagar daripada **aktiviti berasaskan dana** merosot sebanyak RM6,346.9 juta kepada RM37,953.2 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM9,531.9 juta pada tempoh yang sama tahun 1997 terutamanya disebabkan kemerosotan pinjaman dan deposit antara bank. Sumber baru diperolehi menerusi simpanan oleh syarikat-syarikat dan terbitan IDB oleh bank saudagar. **Deposit baru** yang disimpan oleh institusi kewangan merosot dengan ketara sebanyak 46.5% atau RM2,623 juta kepada RM3,015.1 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.6% atau RM522.7 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Sebahagian besar daripada jumlah deposit adalah merupakan deposit tetap jangka pendek bagi tempoh matang sehingga enam bulan. **Jumlah deposit** (termasuk repo) yang dikumpulkan oleh bank saudagar merosot sebanyak 5.3% atau RM1,399.7 juta pada akhir tahun 1997 kepada RM24,990.0 juta pada akhir bulan Julai 1998. Bahagian deposit yang dikumpulkan oleh bank saudagar berbanding dengan jumlah deposit sistem perbankan juga merosot sedikit daripada 6.09% pada akhir tahun 1997 kepada 5.92% pada akhir bulan Julai 1998.

Dari segi **operasi pemberian pinjaman**, jumlah pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar merosot sebanyak 2.2% atau RM516.8 juta pada tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.5% pada tempoh yang sama tahun 1997. Ini terutamanya disebabkan oleh kemerosotan pinjaman kepada sektor swasta, iaitu sebanyak RM484.5 juta dan kemerosotan pinjaman kepada sektor awam sebanyak RM3.1 juta. Kemerosotan pemberian pinjaman kepada sektor swasta disebabkan oleh kemerosotan pinjaman bagi tujuan pembelian sekuriti, hartanah dan pembinaan, berbanding dengan tempoh yang

sama tahun 1997. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah diimbangi oleh peningkatan pinjaman kepada sektor hartanah selain daripada perumahan, pertanian dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan pada tempoh yang sama. Pinjaman kepada sektor swasta mewakili 98.0% daripada pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar pada akhir bulan Julai 1998, manakala pinjaman kepada sektor awam berjumlah 0.5% dan baki 1.5% merupakan pinjaman kepada pelanggan-pelanggan asing. Pada akhir bulan Julai 1998, sebahagian besar pinjaman adalah dalam bentuk pinjaman berjangka yang bernilai RM10,765.5 juta atau 47.8% daripada jumlah pinjaman bank saudagar.

Memandangkan kemerosotan deposit yang pesat (-5.3%) berbanding dengan kemerosotan pinjaman (-2.2%), bank saudagar mencatatkan

jurang sumber sebanyak RM2,454.8 juta pada tujuh bulan pertama tahun 1998 (1997 : RM3,339 juta). Berikutan itu **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar meningkat kepada 90.2% pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1997 sebanyak 87.3%. Dengan peningkatan kadar faedah deposit tetap, kos purata deposit bank saudagar meningkat daripada 9.35% pada akhir tahun 1997 kepada 10.97% pada akhir bulan Julai 1998, manakala kadar pinjaman purata merosot daripada 16.34% pada akhir tahun 1997 kepada 15.23% pada akhir bulan Julai 1998. Oleh itu, margin kadar faedah kasar berkurangan sebanyak 273 mata asas kepada 4.26% pada akhir bulan Julai 1998 daripada 6.99% pada akhir tahun 1997.

Disebabkan pemansuhan pendapatan fi minima yang berkuatkuasa pada bulan Disember 1996 bagi bank saudagar Kumpulan 1, pendapatan fi bank saudagar telah merosot di mana **aktiviti berasaskan-fi** bank saudagar menguncup pada tujuh bulan pertama tahun 1998. Jumlah pendapatan daripada aktiviti berasaskan-fi merosot sebanyak 53.8% kepada RM113.6 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 61.6% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Jumlah fi yang diperolehi daripada aktiviti pengurusan portfolio yang dijalankan oleh bank saudagar merosot kepada RM3.6 juta pada tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan RM20.7 juta yang diperolehi pada masa yang sama tahun 1997. Sebahagian besar pendapatan berasaskan-fi diperolehi daripada aktiviti-aktiviti perkhidmatan penasihat korporat (RM28.8 juta atau 25.4%), penaja jamin (RM28 juta atau 24.6%) dan pengurusan pinjaman konsortium bersindiket (RM25.3 juta atau 22.3%).

Jumlah bilangan bank saudagar yang beroperasi di seluruh negara kekal pada 12 buah dengan 24 cawangan di seluruh negara pada akhir bulan Julai 1998. Enam bank saudagar telah diberi status Kumpulan-1. **Jumlah aset** bank saudagar merosot sebanyak 14.4% daripada akhir tahun 1997 kepada RM37,953.2 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 30.0% pada tempoh yang sama tahun 1997.

Syarikat Diskaun

Prestasi keseluruhan syarikat diskaun telah merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun

Jadual 8.5

Bank Saudagar: Deposit Dan Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1998
	1997		1998		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	3,648.8	25.7	1,424.1	9.3	16,695.0
Deposit SPTF ¹	0.8	—	80.6	29.2	355.7
Deposit pertukaran wang asing	2.5	2.1	-188.1	-55.1	153.2
Repo	282.3	11.9	-1,678.3	-42.7	2,255.4
IDB	-458.1	-7.6	-1,023.3	-15.60	5,529.7
Lain-lain ²	-14.6	-48.8	-14.7	-100.0	0
JUMLAH	3,461.8	15.0	-1,399.7	-5.3	24,990.0
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	1,598.7	17.9	-16.9	-0.1	10,765.5
Kemudahan kredit pusingan	156.5	1.8	-342.0	-3.3	10,144.3
Lain-lain	412.2	35.5	-158.0	-8.9	1,625.4
JUMLAH	2,167.5	11.5	-516.8	-2.2	22,535.2

¹ Skim Perbankan Tanpa Faedah.

² Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

1998. Jumlah deposit (termasuk repo) yang dikumpul oleh syarikat diskaun berkurangan sebanyak 11.7% kepada RM17,586 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 13% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Sebanyak 39.3% daripada jumlah deposit telah disumbangkan oleh bank perdagangan, sementara bakinya disumbangkan oleh institusi-institusi kewangan yang lain.

Jumlah pelaburan oleh syarikat diskaun mencatatkan pengurangan yang kecil iaitu sebanyak 1% pada akhir tahun 1997 kepada RM12,660 juta pada akhir bulan Julai 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.8% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Dari segi komponen, pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta (*Private Debt Securities*-PDS) meningkat sebanyak 0.1% kepada RM11,883 juta (Januari-Julai 1997: +24.3% atau RM2,227 juta), sementara pelaburan dalam Penerimaan Juru Bank telah merosot sebanyak 44.7% kepada RM2,376 juta (Januari-Julai 1997: -4.7% atau RM200 juta). Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*-MGS) telah meningkat sebanyak 26.1% kepada RM392 juta (Januari-Julai 1997: -27.7% atau RM175 juta). Pelaburan di dalam bon Cagamas merosot sebanyak 18% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan penyusutan sebanyak 18.6% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Sebaliknya, IDB telah meningkat sebanyak 40.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan penyusutan sebanyak 24.3% dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad (MIDF), Bank Industri Malaysia Berhad (Bank Industri), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pembangunan Sabah Berhad (SDB) dan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian) adalah lima institusi pembiayaan pembangunan (IPP) yang ditubuhkan oleh Kerajaan khas untuk menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang bagi membiayai pelaburan modal dalam sektor perindustrian. Jumlah sumber IPP meningkat pada kadar yang kecil sebanyak 0.5% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998 iaitu daripada RM12,864 juta pada akhir tahun 1997 kepada RM12,922 juta pada akhir bulan Jun 1998. Peningkatan pada tempoh yang sama tahun 1997 adalah 8.5%.

Jadual 8.6

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan (pada akhir tempoh)

<i>Institusi</i>	<i>1997</i>	<i>Jun 1998</i>
Jumlah Sumber¹ (RM Juta)		
Bank Pertanian Malaysia	4,425	4,500
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	2,207	2,238
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	2,514	2,630
Bank Industri Malaysia Bhd.	2,150	2,377
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	1,568	1,177
Kadar Faedah Purata (%)		
Bank Pertanian Malaysia		
Kadar Konsesi	4.00	4.00
Kadar Komersial	0-4 melebihi BLR2	0-4 melebihi BLR2
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	10.35	11.56
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	11.70	13.70
Bank Industri Malaysia Bhd.		
Pembaikan kapal	6.00	6.00
Pembinaan	9.00	11.50
Infrastruktur limbungan	9.00	11.50
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	14.00	17.50

¹ Termasuk dana pemegang saham, pinjaman jangka pendek dan panjang serta deposit

² Kadar Pemberian Pinjaman Asas

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Bhd.

Kedudukan sumber bagi setiap IPP adalah berbeza-beza seperti ditunjukkan di Jadual 8.6. Selaras dengan peningkatan dalam jumlah dana pemegang saham (1.3%), jumlah sumber bagi Bank Industri meningkat sebanyak 10.5% kepada RM2,377 juta pada akhir bulan Jun 1998 berbanding dengan peningkatan 16% pada tempoh yang sama tahun 1997. Pada masa yang sama, jumlah sumber MIDF berkembang sebanyak 4.6% kepada RM2,630 juta pada akhir bulan Jun 1998 (Januari-Jun 1997: 9.5%). Walau bagaimanapun,

jumlah sumber kedua-dua Bank Pertanian dan Bank Pembangunan hanya meningkat sedikit pada kadar 1.7% dan 1.4% kepada RM4,500 juta dan RM2,238 juta (Januari-Jun 1997: 10% dan -0.3%). Manakala sumber bagi SDB merosot dengan ketara sebanyak 24.9% kepada RM1,177 juta pada akhir bulan Jun 1998 (Januari-Jun 1997: 6.7%) disebabkan kerugian besar yang ditanggung dan pengurangan deposit dalam tempoh separuh pertama tahun 1998.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1998, jumlah pinjaman baru yang dikeluarkan oleh kelima-lima IPP terus merosot sebanyak 52.2% kepada RM595 juta berbanding kejatuhan sebanyak 35.3% pada tempoh yang sama tahun 1997. Ini mencerminkan kesan aktiviti-aktiviti ekonomi yang perlahan (sila lihat Jadual 8.7). Dari segi pemberian pinjaman mengikut sektor, pinjaman kepada industri perkapalan meningkat dengan ketara sebanyak 434% kepada RM155 juta pada akhir bulan Jun 1998 daripada RM29 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Manakala pinjaman baru kepada sektor-sektor lain seperti pertanian dan sektor pembuatan merosot masing-masing sebanyak 82.2% dan 44.2% kepada RM42 juta dan RM314 juta. Manakala, pinjaman kepada sektor hartanah dan pembinaan mencatatkan kemerosotan ketara sebanyak 90.4% kepada RM16 juta pada tempoh yang sama.

Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, aktiviti pemberian pinjaman IPP berbeza-beza. Pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Industri meningkat dengan ketara sebanyak RM268 juta kepada RM306 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998 daripada RM37 juta pada tempoh yang sama tahun 1997, selaras dengan peningkatan sumber bank tersebut. Sementara itu, pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Pembangunan merosot sebanyak 48.2% kepada RM209 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan RM404 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Dalam tempoh kajian, kelulusan pinjaman oleh Bank Pertanian dan MIDF mencatatkan kemerosotan masing-masing sebanyak 82.2% dan 86.4% kepada RM42 juta dan RM42 juta (Januari-Jun 1997: RM238 juta dan RM312 juta). Sementara itu, tiada pinjaman baru diluluskan oleh SDB (-RM4.3 juta) dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 berbanding dengan pinjaman sebanyak RM252 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Manakala jumlah pinjaman keseluruhan IPP pada akhir bulan Jun

Jadual 8.7

Haluan Pemberian Pinjaman oleh IPP

	1997	1998	Perubahan dalam jangka masa %
	Januari-Jun RM juta	Januari-Jun RM juta	
Perkilangan	563	314	-44.2
Perkapalan	29	155	+434
Pertanian	238	42	-82.2
Hartanah dan pembinaan	173	16	-90.4
Perlombongan dan kuari	0	0.75	+100
Lain-lain	241	67	-72.3
JUMLAH	1,245	595	-52.2

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

1998 pula bernilai RM6,928 juta, berbanding dengan RM6,804 juta pada akhir tahun 1997. Kadar faedah purata yang dikenakan oleh IPP berbeza-beza di antara lingkungan 4.00% hingga 17.50% setahun.

Beberapa skim khas telah dilaksanakan oleh IPP. Antara skim tersebut ialah skim **Tabung Untuk Makanan** yang telah dilancarkan pada 4 Januari 1993 dengan peruntukan awal sebanyak RM300 juta. Peruntukan ini telah ditambahkan kepada RM700 juta dalam tahun 1997. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, sejumlah 176 permohonan bernilai sebanyak RM59.6 juta telah diluluskan (1997: 29 permohonan bernilai sebanyak RM9.4 juta). Setakat 31 Julai 1998, permohonan yang diluluskan berjumlah 1,225 dengan nilai sebanyak RM359.4 juta, sementara pinjaman yang dikeluarkan bernilai RM310.8 juta. Beberapa kriteria pinjaman telah dipinda pada tahun ini bagi mempertingkatkan keberkesanan skim ini. Antaranya ialah yang berikut:-

- Jumlah pinjaman minima untuk peminjam yang layak telah diturunkan pada 23 Februari 1998, iaitu daripada RM 50,000 kepada RM10,000 bagi setiap peminjam;

- (b) Skop sektor makanan yang layak dibiayai di bawah skim ini telah diperluaskan pada 5 Mei 1998, untuk meliputi ternakan burung puyuh, udang, biri-biri, rusa, burung kasawari dan arnab serta tanaman padi;
- (c) Bank Islam Malaysia Berhad kini dibenarkan menyertai skim ini dengan menggunakan asas pembiayaan secara Islam di mana konsep yang digunakan adalah "*Al-Wadiah Yad Dhamanah*" (simpanan dengan jaminan).

Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) telah ditubuhkan pada tahun 1998 bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaya maju tetapi mengalami masalah, memandangkan masalah-masalah kewangan yang mereka hadapi ekoran kemelesetan ekonomi tahun 1985/86. Pada tempoh tujuh bulan yang pertama tahun 1998, jumlah permohonan yang diluluskan telah meningkat sebanyak RM2.0 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak RM2.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Pada akhir bulan Jun 1998, sebanyak 237 permohonan yang bernilai RM652.8 juta telah diluluskan, sementara jumlah pinjaman yang dikeluarkan ialah RM607.2 juta. Sebahagian besar pinjaman ini telah dikeluarkan kepada sektor perumahan (RM392.6 juta), diikuti oleh sektor harta tanah (RM60.3 juta), sektor Skim Rundingan Terus (RM49.4 juta) serta sektor pembinaan (RM41.1 juta).

Tabung ASEAN-Jepun (ADJF) yang ditadbirkan oleh Bank Pertanian, Bank Industri, Bank Pembangunan dan MIDF bertujuan membantu membangunkan industri kecil dan sederhana. Dana pusingan ini telah dilancarkan dalam bulan Januari 1989, dengan peruntukan dana awalnya disumbangkan oleh Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport-Import Jepun. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, agensi-agensi pelaksanaan IPP telah meluluskan sebanyak 4 permohonan bernilai RM665 juta, berbanding peningkatan sebanyak 315 permohonan (RM223,820 juta) dalam tempoh yang sama tahun 1997. Oleh itu, pada 31 Julai 1998, jumlah pinjaman yang diluluskan ialah sebanyak RM1,921,222 juta melibatkan sejumlah 4,450 projek. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,531,406 juta telah disediakan oleh OECF, sementara bakinya telah disumbangkan oleh Bank Eksport-Import Jepun.

Eksport-Import Bank Malaysia Berhad (Bank EXIM), iaitu sebuah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Industri telah diberi tanggungjawab menguruskan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) bermula pada bulan Januari 1998. Sebelum ini tanggungjawab tersebut diuruskan oleh BNM. Skim ECR menyediakan pembiayaan semula pada kadar faedah istimewa melalui bank-bank perdagangan kepada pengeksport langsung dan tidak langsung yang berkeelayakan dengan tujuan untuk menggalakkan pengeksportan barang-barang perkilangan, keluaran pertanian dan komoditi utama yang terpilih yang mempunyai nilai-tambah yang tinggi dan menggunakan sumber-sumber tempatan. Jumlah pembiayaan ECR merosot sebanyak 18.1% atau RM2,726 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998 (dimana sebanyak RM1,177 juta adalah untuk pra-penghantaran dan RM1,548 juta selepas penghantaran), berbanding dengan RM3,330 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1997. Sebahagian besar daripada kredit ini adalah untuk keluaran getah (18.9%), kelapa sawit (18.1%) dan diikuti dengan keluaran mekanikal dan elektrik (13.7%). Kadar semasa ECR (termasuk skim tanpa faedah) meningkat kepada 10.80% pada akhir bulan Jun 1998.

Pengambilalihan pengurusan skim ECR akan mempertingkatkan peranan keseluruhan EXIM Bank dalam menyediakan kemudahan eksport barang perkilangan dan mempelbagaikan eksport, ianya juga bertujuan membantu Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan keluar negeri di dalam aktiviti-aktiviti perkilangan berasaskan sumber dan pemprosesan keluaran pertanian serta menggalakkan industri yang mempunyai nilai-tambah yang tinggi, berintensif modal dan menggunakan teknologi canggih. Di samping skim ECR, pinjaman baru oleh EXIM Bank adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti asalnya yang berjumlah RM209 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1998. Ini menunjukkan kemerosotan sebanyak 57.2% berbanding dengan pinjaman baru yang berjumlah RM488 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Kemudahan Kredit Pembeli dan Kemudahan Kredit Pelaburan Luar Negeri kekal sebagai aktiviti-aktiviti utama yang menyumbang kira-kira 76.3% daripada jumlah pendapatan operasi EXIM Bank yang bernilai sebanyak RM17 juta.

Satu skim lain yang bertujuan menggalakkan lebih banyak usahawan kecil dan sederhana

Bumiputera menceburi alam perniagaan ialah **Tabung Usahawan Baru (TUB)**. Tabung ini telah dilancarkan pada bulan Disember 1989 dengan peruntukan sebanyak RM750 juta. Oleh kerana TUB adalah sebuah dana pusingan, maka tempoh pembayaran balik yang panjang mengakibatkan baki Dana ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Justeru, peruntukan TUB telah ditambah sebanyak RM500 juta pada 15 Julai 1998 kepada RM1.25 bilion. Pada masa yang sama, kadar faedah di bawah TUB telah dinaikkan daripada 5% setahun kepada 8% setahun untuk semua permohonan yang diterima selepas 15 Julai 1998 untuk mencerminkan kadar faedah semasa. Agensi-agensi pelaksana Dana ini termasuk MIDF, Bank Pembangunan, Bank Industri dan 11 buah bank perdagangan yang lain. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, sebanyak 28 permohonan telah diluluskan bernilai RM39 juta (1997 : 56 permohonan bernilai RM24.3 juta). Sehingga akhir bulan Julai 1998, jumlah permohonan yang telah diluluskan ialah 2,097 yang bernilai RM1,012 juta. Daripada jumlah tersebut, RM910.6 juta telahpun dikeluarkan.

Tiada permohonan baru yang diluluskan untuk **Tabung Penyelarasan Perindustrian (TPP)**, yang telah dilancarkan dalam tahun 1991 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Tabung ini yang bertujuan untuk merasionalisasi dan menyusun semula syarikat-syarikat yang wujud sebelum 31 Disember 1990 dalam tiga industri terpilih (iaitu mesin dan kejuruteraan, industri berasaskan kayu-kayan dan industri tekstil) melalui pengabungan, pengambilalihan, penempatan semula dan pelbagaian. Justeru, jumlah permohonan yang diluluskan tetap 26 dengan nilai sebanyak RM106.1 juta pada akhir Julai 1998, sementara jumlah yang dikeluarkan ialah RM91.7 juta.

Dana pusingan **Tabung Khas Pelancungan** yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada bulan Mac 1990 dengan tujuan untuk membiayai pembangunan projek-projek berkaitan pelancungan dengan peruntukan sebanyak RM200 juta telah tamat pada 31 Disember 1997. Oleh itu, sehingga akhir bulan Julai 1998, tiada permohonan baru diluluskan dan jumlah permohonan yang diterima masih 211 yang bernilai RM239.0 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM196.7 juta telah dikeluarkan setakat akhir bulan Julai 1998.

Institusi-Institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Didorong oleh peningkatan yang ketara di dalam deposit, jumlah sumber Bank Simpanan Nasional (BSN) meningkat sebanyak 5.3% atau RM397 juta kepada RM7.9 bilion pada akhir bulan Jun 1998 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.9% pada tempoh yang sama tahun 1997. Deposit yang digerakkan oleh BSN pada separuh pertama tahun 1998 meningkat sebanyak 6.4% kepada RM6,939 juta pada akhir bulan Jun 1998, berbanding penurunan sebanyak 1.6% pada tempoh yang sama tahun 1997. Peningkatan deposit disumbangkan oleh peningkatan deposit daripada sektor korporat sebanyak 128.9% pada separuh pertama tahun 1998 kepada RM993 juta pada akhir bulan Jun 1998 daripada RM434 juta pada akhir 1997. Walau bagaimanapun, deposit-deposit lain seperti simpanan GIRO, simpanan dari pendapatan, sijil simpanan premium, deposit tetap dan skim simpanan yang digerakkan oleh BSN merosot sebanyak 2.3% kepada RM5,919 juta pada akhir bulan Jun 1998 daripada tempoh akhir tahun 1997. Dana pendeposit berjumlah 87.3% daripada jumlah keseluruhan sumber. Dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM11,445 juta, jumlah bersih deposit dengan BSN merosot kepada RM226 juta pada separuh pertama tahun 1998.

Simpanan **GIRO** masih kekal sebagai produk utama BSN dengan mengerakkan sejumlah RM9,912 juta. Skim ini merangkumi 88.3% daripada jumlah deposit baru yang digerakkan oleh BSN pada separuh pertama tahun 1998 (Januari-Jun 1997: RM11,399 juta). Di samping itu, pengeluaran daripada skim ini merosot 11% kepada RM10,134 juta pada separuh pertama tahun 1998, berbanding dengan RM11,383 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Mengenai Perkhidmatan Arahan Giro Terjamin (GGO) yang berfungsi sebagai Arahan Juruwang untuk pembelian terbitan saham baru, sejumlah 377 GGO telah dikeluarkan pada separuh pertama tahun 1998 dengan nilai sebanyak RM0.91 juta. Ini menunjukkan kemerosotan ketara berbanding sebanyak 236,710 GGO bernilai RM841.1 juta yang dikeluarkan pada tempoh yang sama tahun 1997. Kemerosotan ini mencerminkan kemerosotan sentimen pelabur di pasaran saham serta pengurangan jumlah saham baru. Sementara itu, **simpanan dari pendapatan** terus mencatatkan pengeluaran bersih sebanyak RM3.4 juta (Januari-

Jun 1997: RM0.7 juta) berikutan deposit (RM7.0 juta) terus merosot berbanding dengan pengeluaran (RM10.4 juta). Begitu juga dengan **sijil simpanan premium** yang mencatatkan aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM38 juta (Januari-Jun 1997 mencatatkan aliran masuk sebanyak RM63.0 juta), memandangkan penebusan sijil merosot sebanyak 26.5% kepada RM172 juta. Begitu juga dengan pembelian sijil simpanan premium yang turut merosot sebanyak 61.5% kepada RM135 juta (Januari-Jun 1997: RM183 juta). Jumlah pengeluaran bersih daripada simpanan GIRO dan sijil simpanan premium mencerminkan mudah tunai individu terjejas akibat daripada kesan deflasi yang disebabkan oleh krisis kewangan serantau.

Selaras dengan peningkatan pertambahan jumlah sumber, pelaburan meningkat sebanyak 7.7% kepada RM5,117 juta pada akhir bulan Jun 1998 daripada akhir tahun 1997 (Januari-Jun 1997: RM4,486 juta). Ini berikutan peningkatan 59.5% di dalam deposit jangka pendek dan panjang yang disimpan dengan sistem perbankan kepada RM1,090 juta pada separuh pertama tahun 1998 berbanding dengan RM270 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Pelaburan di dalam stok dan saham (termasuk saham amanah, saham bukan amanah dan waran) meningkat secara perlahan sebanyak 0.1% kepada RM1,345 juta (Januari-Jun 1997: RM1,220 juta). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam sekuriti jaminan Kerajaan (merangkumi MGS, bon Cagamas dan bil-bil Perbendaharaan) berkurang sebanyak 7.0% kepada RM1,939 juta dengan MGS berjumlah 67% daripada jumlah keseluruhan.

Pemberian pinjaman oleh BSN meningkat sebanyak 3.0% atau RM60 juta pada enam bulan pertama tahun 1998 kepada RM2,019 juta pada akhir bulan Jun 1998, berbanding dengan RM202 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Ini berikutan peningkatan sebanyak 13.5% atau RM127 juta dalam pinjaman yang disalurkan kepada individu yang berjumlah RM1,068 juta pada akhir bulan Jun 1998, berbanding dengan RM799 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Demikian juga dengan pinjaman yang diluluskan untuk Kad Visa meningkat sebanyak 4.1%. Sebaliknya, pinjaman kepada sektor korporat dan sewa-beli merosot sebanyak 2.5% dan 4.2% kepada RM154 juta dan RM859 juta (Januari-Jun 1997: RM161 juta dan RM742 juta).

Jadual 8.8

Bank Simpanan Nasional
(pada akhir tempoh)

	1997	Jun 1998 ^a
Deposit¹ (RM juta)		
Simpanan	1,585	1,477
Tetap	1,751	1,896
Simpanan Dari Pendapatan	22	18
GIRO	2,550	2,328
Sijil Simpanan Premium	584	546
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)		
MGS	2,087	1,939
Stok dan saham ²	1,343	1,345
Pelbagai ³	1,091	1,434
Pinjaman (RM juta)		
Individu	941	1,068
Korporat	158	154
Kad Visa	24	25
Sewa Beli	897	859
Bilangan cawangan BSN ⁴	468	458
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	621	624
Bilangan penyimpan ('000)	8,438	8,520
Simpanan	3,051	2,817
Tetap	109	122
Simpanan Dari Pendapatan	19	17
GIRO	5,259	5,564

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional

Jumlah keseluruhan cawangan BSN telah merosot daripada 471 cawangan pada bulan Jun 1997 kepada 458 cawangan pada bulan Jun 1998 berikutan pencantuman beberapa cawangan. Ini membawa kepada pengurangan mesin pengeluaran automatik (ATM) daripada 592 buah pada akhir bulan Jun 1997 kepada 590 buah diseluruh negara pada akhir bulan Jun 1998.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Kumpulan wang simpanan dan pencen terus memainkan peranan utama dalam menggerakkan tabungan negara bagi tujuan pembiayaan projek-projek pembangunan jangka masa panjang sektor awam. Sumber kewangan yang berjaya dikumpul oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Tabung Angkatan Tentera (TAT) berjumlah RM9.3 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1998, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% berbanding dengan RM11.2 bilion yang dikumpul pada tempoh yang sama tahun 1997. Dengan itu, jumlah baki yang dikumpul oleh keempat-empat kumpulan wang simpanan dan pencen meningkat daripada RM151.8 bilion pada akhir tahun 1997 kepada RM161.2 bilion

pada akhir bulan Jun 1998, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.9.

KWSP kekal sebagai kumpulan wang simpanan dan pencen terbesar di negara ini. Jumlah sumber KWSP bertambah 5.1% dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 kepada RM139.1 bilion, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 7.8% pada tempoh yang sama tahun 1997. Peningkatan jumlah sumber ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan jumlah pencarum baru sebanyak 1.6% (135,346 pencarum) dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 kepada 8,410,312 pencarum pada akhir bulan Jun 1998, daripada 8,274,966 pencarum pada akhir tahun 1997. Jumlah pelaburan KWSP berkembang secara sederhana sebanyak 4.6% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998 kepada RM135.4 bilion (Januari-Jun 1997: 7.4%), iaitu sebanyak 97.3% daripada jumlah sumber terkumpul. Pelaburan dalam pinjaman dan debentur meningkat dengan ketara sebanyak 27.7% daripada akhir tahun 1997 kepada RM23.5 bilion pada akhir bulan Jun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 29.2% pada tempoh yang sama tahun 1997. Begitu juga dengan pelaburan dalam IDB, di mana deposit tetap dan deposit jangka masa pendek telah meningkat sebanyak 9.7% kepada RM33.6 bilion

Jadual 8.9

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen (pada akhir tempoh)

	<i>Jumlah Sumber (RM juta)</i>		<i>Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)</i>		<i>Bilangan Ahli (‘000)</i>	
	<i>1997</i>	<i>Jun 1998^a</i>	<i>1997</i>	<i>Jun 1998^a</i>	<i>1997</i>	<i>Jun 1998^a</i>
KWSP	132,402	139,131	38,067	37,922	8,274	8,410
PERKESO	5,089	6,184	2,053	2,759	8,252	8,604
TAT	4,451	4,547	5	5	99	97
KWAP	9,922	11,338	0	0	—	—
JUMLAH	151,864	161,200	40,125	40,686	16,625	17,111

^a Data awalan.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

(Januari-Jun 1997: 11.7%). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam sekuriti korporat merosot 1.7% dalam tempoh separuh enam bulan pertama tahun 1998 kepada RM39.3 bilion pada akhir bulan Jun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 22.2% pada tempoh yang sama tahun 1997. Pegangan KWSP dalam MGS terus merosot sebanyak 0.4% dalam tempoh Januari-Jun 1998 kepada RM37.9 bilion pada akhir bulan Jun 1998, selepas merosot sebanyak 3.6% pada tempoh yang sama tahun 1997. Selaras dengan itu, pelaburan dalam MGS menyumbang 28.0% daripada jumlah pelaburan keseluruhan KWSP pada akhir bulan Jun 1998 (akhir tahun 1997: 29.4%), iaitu masih di bawah paras keperluan wajib pelaburan terkumpulnya dalam MGS sebanyak 50.0%.

Caruman kasar KWSP meningkat sebanyak RM7.7 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM7.4 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran berkurangan kepada RM4.6 bilion pada akhir bulan Jun 1998 daripada RM6.0 bilion pada akhir tahun 1997. Selaras dengan itu, jumlah baki akaun pencarum (termasuk faedah) meningkat sebanyak 5.4% daripada RM131.5 bilion pada akhir tahun 1997 kepada RM138.5 bilion pada akhir bulan Jun 1998 (Januari-Jun 1997: 4.4%).

Mulai 1 Ogos 1998, pekerja-pekerja asing (tidak termasuk pembantu rumah) dikehendaki mencarum kepada KWSP pada kadar 11% daripada pendapatan mereka, manakala majikan mereka dikehendaki mencarum sebanyak RM5.00 bagi setiap pekerja. Walau bagaimanapun, para pekerja dan majikan boleh memilih secara sukarela untuk mencarum lebih daripada kadar yang telah ditetapkan.

PERKESO yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk menyediakan faedah keselamatan sosial kepada pekerja melalui Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat, telah berjaya mengumpul sejumlah RM1,095 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998. Jumlah sumber yang dikumpul oleh PERKESO meningkat sebanyak 21.5% daripada RM5,089 juta pada akhir tahun 1997 kepada RM6,184 juta pada akhir bulan Jun 1998. Sebahagian besar (44.6%) daripada jumlah keseluruhan sumber PERKESO dilaburkan dalam MGS, manakala 38.2% disimpan dengan sistem perbankan dalam bentuk deposit dan 9.0% dilaburkan dalam sekuriti korporat. Pada akhir bulan Jun 1998, jumlah pekerja berdaftar adalah seramai 8,604,616

orang, iaitu peningkatan seramai 351,936 orang daripada akhir tahun 1997 (Disember 1996: 7,613,635 orang).

KWAP yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pencen 1991 dengan tujuan mengambilalih tanggungjawab Kerajaan untuk memenuhi kos bayaran pencen, gratuity dan lain-lain faedah pencen kepada kakitangan awam yang bersara, telah berjaya mengumpul sebanyak RM1,416 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1998. Berikutan itu, jumlah sumber KWAP meningkat sebanyak 14.3% kepada RM11,338 juta pada akhir bulan Jun 1998 daripada RM9,922 juta pada akhir tahun 1997. Sebahagian besar peningkatan dana adalah disebabkan peningkatan ketara dalam jumlah sumbangan tahunan Kerajaan (pada mulanya ditetapkan pada kadar 5.0% daripada bayaran emolument tahunan Perkhidmatan Awam), dan diikuti dengan jumlah sumbangan oleh Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (ditetapkan pada kadar 17.5% daripada gaji kakitangan berpencen). Bayaran balik caruman majikan kepada KWSP dan lain-lain kumpulan wang yang diluluskan untuk persaraan pegawai awam, pendapatan daripada pelaburan dan sumber-sumber lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan terus menyumbang kepada sumber kewangan KWAP. Sebahagian besar daripada jumlah sumber disalurkan dalam pelaburan (61.4%), manakala wang tunai dan baki yang ditempatkan dalam sistem perbankan (khususnya di dalam akaun pasaran wang BNM) berjumlah 30.3%.

TAT, yang ditubuhkan pada tahun 1973 adalah bertujuan menyediakan faedah persaraan kepada anggota perkhidmatan tentera. Jumlah sumber TAT meningkat sebanyak RM96 juta atau 2.1% daripada RM4,451 juta pada akhir tahun 1997 kepada RM4,547 juta pada akhir bulan Jun 1998 (Januari-Jun 1997: 4.1%). Peningkatan yang perlahan dalam jumlah sumber adalah disebabkan oleh kemerosotan baki pencarum akibat kemerosotan ahli berdaftar pada akhir bulan Jun 1998 berbanding dengan akhir tahun 1997 serta kemerosotan pulangan daripada pelaburan.

Baki pencarum merosot sebanyak 2.3% daripada RM3,420 juta pada akhir tahun 1997 kepada RM3,342 juta pada akhir bulan Jun 1998. Walau bagaimanapun, jumlah ahli berdaftar merosot kepada 97,290 orang pada akhir Jun 1998 daripada 99,360 orang pada akhir 1997. TAT melabur sebanyak 83.7% daripada jumlah sumber keseluruhannya dalam sekuriti korporat (RM3,806 juta), manakala 12.3% disimpan

dengan sistem perbankan (RM561.6 juta). Walau bagaimanapun, pelaburan TAT dalam MGS pada akhir bulan Jun 1998 masih kekal sebagaimana pada akhir tahun 1997 iaitu sebanyak RM5 juta.

Syarikat Insurans

Jumlah pendapatan premium bagi sektor insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 14.4% (1996: 20%) kepada RM11.1 bilion dalam tahun 1997, di mana lebih daripada separuh pendapatan (53.5%) diperolehi daripada perniagaan insurans nyawa. Pendapatan premium industri ini sebagai peratusan daripada KNK nominal meningkat kepada 4.2% pada tahun 1997, berbanding dengan 4.1% dalam tahun 1996. Jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri ini meningkat sebanyak 28.1% kepada RM3.6 bilion, iaitu merupakan 32.8% daripada pendapatan premium. Aset dana industri insurans meningkat sebanyak 13% kepada RM35 bilion pada akhir tahun 1997, iaitu merupakan 3.1% daripada jumlah aset sistem kewangan.

Sungguhpun ekonomi negara lembap, premium baru dan jumlah yang diinsuranskan berkembang sebanyak 11.8% dan 16.5% kepada RM1.6 bilion dan RM88.6 bilion. Semua jenis perniagaan ini mencatatkan pertumbuhan premium baru pada kadar menggalakkan, kecuali bagi polisi sementara. Polisi sementara yang mana mengalami pertumbuhan secara relatifnya tinggi pada tahun-tahun lalu, hanya meningkat pada kadar 0.1% pada tahun 1997 (1996: 18.9%), ini disebabkan oleh pengurangan permintaan bagi polisi tempoh berkaitan kredit oleh para peminjam institusi kewangan. Jumlah diinsuranskan yang luput meningkat sebanyak 24% (1996: 16.9%) kepada RM47.3 bilion, melibatkan premium tahunan sebanyak RM0.6 bilion. Di samping peningkatan kadar keluputan, perniagaan insurans nyawa berkuatkuasa dalam tahun 1997 terus berkembang dengan jumlah keseluruhan yang diinsuranskan berkuatkuasa dan agregat premium tahunan berkuatkuasa meningkat sebanyak 14.7% dan 13.4% (1996: 14.8% dan 14%) kepada RM324 bilion dan RM6 bilion.

Keseluruhan pendapatan industri ini meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 11.5% (1996: 20.1%) mencapai RM7.7 bilion, manakala perbelanjaan berkembang dengan pesat sebanyak 53.6% (1996: 4.9%) kepada RM5.1 bilion.

Jadual 8.10
Perniagaan Insurans Nyawa dan Am

	1997 ^{1/}	1998 ^{2/}
Insurans Nyawa (RM juta)		
Perniagaan Baru		
Bilangan Polisi ('000 unit)	1,106.9	532.3
Jumlah diinsuranskan	88,618.1	44,554.5
Jumlah premium	1,591.3	679.8
Perniagaan Berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	5,919.5	6,040.1
Jumlah diinsuranskan	324,018.1	337,929.1
Premium tahunan	5,961.7	6,166.0
Pendapatan Premium	5,943.2	2,870.2
Bayaran Faedah:		
Jumlah	1,511.6	845.4
Kematangan	467.2	234.1
Kematian dan hilang upaya	565.8	198.8
Penyerahan	306.9	207.2
Bonus tunai	171.8	70.9
Lain-lain	—	134.3
Anuiti	—	0.1
Insurans Am (RM Juta)		
Pendapatan Premium:		
Premium Bertulis ^{3/}	6,093.8	2,764.4
Premium Bersih	5,116.3	2,299.7
Insurans semula di luar Malaysia	927.5	464.7
Nisbah Pembendungan (%)	84.8	83.2
Bilangan Syarikat Insurans		
Langsung:		
Nyawa	7	7
Am	40	40
Campuran	11	11
Insurans semula:		
Nyawa	1	8
Am	8	1
Takaful	2	2

^{1/} Pada akhir tahun.

^{2/} Setakat 31 Mac 1998.

^{3/} Mulai tahun 1997 dan seterusnya, premium bertulis ditukar kepada premium langsung kasar.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

Pertumbuhan pendapatan yang perlahan disebabkan oleh kemerosotan di dalam lain-lain pendapatan sebanyak 33.9% (1996: +126.8%), disebabkan oleh pengurangan daripada keuntungan jualan atau aset. Di samping itu, perbelanjaan meningkat dengan pesat disebabkan oleh tambahan peruntukan bagi kecil dalam nilai pelaburan dan kerugian dalam jualan aset yang berjumlah 28.8% daripada jumlah perbelanjaan (1996: 0.01%). Pendapatan premium, yang merangkumi sebanyak 77.5% daripada keseluruhan pendapatan meningkat sebanyak 14.1% (1996: 14.5%) kepada RM5.9 bilion dalam tahun 1997. Pendapatan pelaburan, komponen kedua terbesar (17.9%) daripada pendapatan, berkembang sebanyak 20.9% (1996: 20.5%) kepada RM1.4 bilion pada 1997. Garis panduan kos operasi yang dikuatkuasa pada bulan Januari 1996 dapat membantu mengurangkan komisen sebanyak 13% kepada 30.3% daripada jumlah perbelanjaan. Oleh itu, lebih pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi industri ini merosot sebanyak 27.6% (1996: +38.7%) daripada jumlah RM2.6 bilion pada tahun 1997.

Jumlah aset dana insurans nyawa berkembang sebanyak 12.4% (1996: 18%) kepada RM23.3 bilion pada akhir tahun 1997. Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan dan pinjaman jaminan Kerajaan merosot dengan pesat, iaitu berjumlah 15% daripada jumlah aset. Sekuriti korporat masih kekal sebagai kategori aset terbesar merangkumi 29.6% (1996: 28%) daripada aset dana insurans nyawa pada tahun 1997. Wang tunai dan deposit meningkat dengan ketara sebanyak 52.8% kepada RM5.3 bilion, disebabkan oleh kebanyakan syarikat insurans lebih berhati-hati di dalam pelaburan mereka. Polisi pinjaman juga meningkat dengan ketara sebanyak 24.1% dan menyumbang sebanyak 8.5% daripada jumlah aset. Kebanyakan pemilik polisi mengambil kesempatan pembiayaan yang disediakan oleh syarikat-syarikat insurans disebabkan kenaikan kos pinjaman daripada institusi kewangan.

Dalam separuh pertama tahun 1998, industri insurans mencatatkan pendapatan premium sebanyak RM5.2 bilion, satu peningkatan yang perlahan sebanyak 3.4% berbanding dengan 19.3% pada tempoh yang sama tahun 1997. Jumlah aset bagi dana insurans nyawa dan am hanya mencatatkan pertumbuhan yang kecil sebanyak

6.5% kepada RM36.4 juta pada akhir separuh pertama tahun 1998 (Disember 1997: RM34.2 bilion).

Kelembapan ekonomi semasa telah menjejaskan penjualan insurans nyawa, di mana ia mencatatkan pertumbuhan negatif pada separuh pertama tahun 1998. Premium perniagaan baru dan jumlah yang diinsurans merosot sebanyak 1.8% (Januari-Jun 1997: +21.4%) dan 18.1% (Januari-Jun 1997: +31.1%) kepada RM0.7 bilion dan RM44.6 bilion. Semua kategori polisi mencatatkan samada pertumbuhan negatif atau perlahan dalam perniagaan premium baru. Di samping prestasi yang kurang menggalakkan bagi perniagaan baru, premium tahunan berkuatkuasa dan jumlah diinsuranskan berkuatkuasa meningkat masing-masing sebanyak 15.1% dan 17.45% (Januari-Jun 1997: 13.4% dan 12.2%).

Jumlah pendapatan industri ini berkembang pada kadar yang perlahan sebanyak 13.5% (Januari-Jun 1997: 15.6%) kepada RM3.9 bilion, manakala jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar yang pesat sebanyak 35.9% (Januari-Jun 1997: 15.5%) kepada RM2.2 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1998, disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang tinggi bagi pengurangan nilai saham yang disebut.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1998, kerugian yang nyata dan tidak nyata daripada pelaburan ekuiti meningkat masing-masing kepada RM362.5 juta dan RM67.1 juta berbanding dengan RM0.8 juta dan RM32.1 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Dengan pertumbuhan yang perlahan dalam pendapatan agregat, lebih dalam pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi industri ini mencatatkan kemerosotan sebanyak 7.1% kepada RM1.7 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 (Januari-Jun 1997: +28.6% kepada RM1.8 bilion). Jumlah aset dana insurans nyawa meningkat sebanyak 5.9% untuk mencapai RM24.3 bilion pada akhir bulan Jun 1998. Sekuriti korporat terus kekal sebagai portfolio terbesar berjumlah 29.4% daripada aset dana insurans nyawa.

Selaras dengan kemerosotan ekonomi, sektor insurans am mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 7.5% dalam premium bertulis kepada RM6.1 bilion pada tahun 1997 berbanding dengan 19% pada tahun 1996. Usaha untuk mempertingkatkan tahap 'penahanan' dalam negara

terus disokong dengan meningkatkan penggunaan keupayaan penginsuranaan semula tempatan. Jumlah premium yang diserahkan keluar negeri menunjukkan kemerosotan sebanyak 20.4% daripada RM1,164.7 juta pada tahun 1997 kepada RM927.4 juta pada tahun 1996. Oleh kerana itu, nisbah 'penahanan' bersih meningkat daripada 79.5% pada tahun 1996 kepada 84.8% pada tahun 1997, iaitu tahap tertinggi dicapai semenjak tahun 1980. Pada tahun yang sama, nisbah tuntutan meningkat sedikit daripada 56.8% pada tahun 1996 kepada 57.5% pada tahun 1997.

Selaras dengan pertumbuhan perniagaan yang perlahan, jumlah aset dana insurans am berkembang pada kadar yang perlahan sebanyak 14.4% kepada RM11.6 bilion pada tahun 1997. Wang tunai dan deposit terus menjadi komponen terbesar dalam dana aset insurans am pada tahun 1997, iaitu merangkumi 40.8% bahagian jumlah aset, diikuti dengan MGS dan pinjaman terjamin Kerajaan yang berjumlah RM2,203 juta atau 18.9%.

Pada akhir tahun 1997, terdapat 67 buah syarikat insurans yang terdiri daripada tujuh buah syarikat

insurans nyawa, 11 buah syarikat insurans campuran, 40 buah syarikat insurans am, 8 buah syarikat insurans semula am dan sebuah syarikat insurans nyawa semula. Daripada jumlah ini, 53 buah syarikat ditubuhkan dalam negeri dan selebihnya adalah syarikat asing. Pada masa yang sama, terdapat 37 buah syarikat broker insurans berlesen dan 43 buah syarikat penilai kerosakan berlesen.

Pada separuh pertama tahun 1998, premium bertulis sektor insurans am merosot sebanyak 8.3% kepada RM2.7 bilion (Januari-Jun 1997: +17.5%). Jumlah aset industri insurans am meningkat dengan perlahan sebanyak 7.6% kepada RM12,122.0 juta pada akhir separuh pertama tahun 1998 (Disember 1997: RM11,256.3 juta).

Bagi membantu mencergaskan semula industri insurans yang terjejas akibat kemerosotan ekonomi, BNM telah mengumumkan beberapa siri langkah-

Jadual 8.11
Kumpulan Wang Insurans Nyawa dan Am
(pada akhir tempoh)

	<i>Insurans Nyawa (RM juta)</i>			<i>Insurans Am (RM juta)</i>		
	<i>1996</i>	<i>1997^{1/}</i>	<i>1998^{2/}</i>	<i>1996</i>	<i>1997^{1/}</i>	<i>1998^{2/}</i>
Aset tetap	127.3	262.4	337.7	389.6	431.2	473.2
Pinjaman	4,443.1	5,224.2	5,483.6	293.5	564.6	594.5
Sekuriti Kerajaan	5,000.3	3,367.6	3,103.1	2,549.8	2,183.0	2,139.9
Pinjaman Jaminan Kerajaan	180.8	122.3	101.1	32.2	20.0	17.5
Sekuriti Korporat	5,797.3	6,900.5	7,152.2	1,846.3	1,987.7	1,981.8
Pelaburan Hartanah	957.6	1,042.4	1,089.1	37.0	158.5	149.1
Wang tunai dan deposit	3,494.2	5,337.7	5,487.1	3,754.7	4,759.2	5,209.1
Aset asing ^{3/}	—	—	352.1	—	—	7.8
Lain-lain aset ^{4/}	728.8	1,040.1	1,216.2	1,293.9	1,558.7	1,547.1
JUMLAH	20,729.4	23,297.2	24,322.2	10,197.0	11,662.9	12,120.0

^{1/} Pada akhir tahun.

^{2/} Setakat 31 Jun 1998

^{3/} Aset asing termasuk di bawah lain-lain aset bagi tahun 1996

Sumber: Ketua Pengarah Insurans

langkah pada 2 Oktober 1998 bagi membantu industri ini. Langkah-langkah ini seperti berikut:

- keperluan modal minima bagi syarikat-syarikat insurans langsung ditetapkan sebanyak RM35 juta berbanding dengan RM50 juta pada 31 Disember 1998. Keperluan ini kekal tidak berubah bagi syarikat-syarikat insurans lain;
- kadar minima margin bagi penyelesaian hutang untuk setiap kelas peminjam ditetapkan pada RM30 juta bermula pada 1 Januari 1999 berbanding dengan RM50 juta;
- bagi tahun kewangan berakhir 1998, syarikat-syarikat insurans dibenarkan untuk mengekalkan tahap minima 70% daripada jumlah liabiliti dana insurans dan margin penyelesaian hutang dalam bentuk aset yang diterima. Baki sebanyak 30% liabiliti dan margin penyelesaian hutang boleh disokong melalui aset-aset lain. Nisbah ini akan ditingkatkan kepada 80:20 bagi tahun kewangan berakhir 1999;
- syarikat insurans dibenarkan terus memegang bon tanpa jaminan yang mana penarafannya telah diturunkan di bawah A atau P2, tetapi bon-bon ini tidak lagi layak sebagai aset yang diterima. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat insurans dilarang daripada membuat pelaburan bon baru yang telah jatuh di bawah penarafan minima;
- syarikat-syarikat insurans juga boleh meneruskan pegangan bon terjamin bank yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang mana telah diberi perlindungan oleh mahkamah di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat serta bon yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang telah menerima bantuan daripada Jawatankuasa Pemulihan Hutang Korporat. Bon ini akan terus kekal sebagai terimaan aset pada tempoh di mana pengstruktur hutang masih dijalankan;
- tempoh di mana sesebuah syarikat insurans dikehendaki memperolehi sekuriti tambahan bagi mendapatkan kemudahan kredit apabila nilai sekuriti merosot, telah dilanjutkan daripada 90 hari kepada setahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank;

- aset-aset berisiko rendah telah ditambah dengan merangkumi sekuriti, bil-bil, sijil-sijil atau lain-lain kertas terjamin Kerajaan dan BNM. Ini bertujuan menggalakkan syarikat-syarikat insurans untuk mempertingkatkan penyertaan mereka dan menyumbang ke arah pembangunan pasaran modal serta membolehkan mereka menyelaraskan di antara liabiliti jangka panjang dengan pelaburan jangka panjang.

Syarikat yang masih tidak berupaya memenuhi keperluan kewangan akan dikawal dengan rapi oleh BNM. BNM akan mengarahkan syarikat-syarikat menyediakan rancangan yang konkrit bagi memulihkan kedudukan mereka sebelum akhir tahun 1998 dan syarikat-syarikat insurans digalakkan untuk bersatu diantara mereka menerusi penggabungan. BNM kekal komited terhadap dasar bahawa syarikat-syarikat insurans harus mempunyai modal yang cukup bagi membolehkan mereka mengekalkan daya saing. Dengan itu, modal yang besar serta keperluan margin penyelesaian hutang akan terus diberi penekanan oleh BNM sekalipun ekonomi kembali pulih.

Takaful atau insurans berasaskan prinsip Islam di Malaysia yang dikendalikan oleh dua buah Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MNI Takaful Sdn. Bhd. (MNIT), terus berkembang dalam tahun 1998. Jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak 21.3% kepada RM686 juta pada akhir tahun 1998, berbanding dengan pertambahan sebanyak 55.3% pada tahun lalu. Aset dana takaful keluarga berjumlah 57.9% daripada jumlah aset, manakala dana takaful am berjumlah 23.6% dengan baki 18.5% adalah aset dana pemegang saham. Pelaburan di dalam Sijil Pelaburan Malaysia berjumlah RM113.9 juta atau 16.6% daripada jumlah aset dan diikuti dengan pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Berhad sebanyak RM9.9 juta atau 1.4% daripada jumlah aset.

Perniagaan takaful baru meningkat dengan kukuh pada tahun kewangan 1998 dengan sejumlah 68,037 sijil-sijil baru telah dijual di bawah perniagaan takaful keluarga, iaitu peningkatan sebanyak 32.1% dengan jumlah penyertaan bernilai RM6,292.7 juta. Jumlah sumbangan yang diterima ke atas sijil-sijil baru meningkat sebanyak 51.3% kepada RM119.8 juta pada tahun 1998.

Perniagaan berkuatkuasa terus berkembang dengan kukuh selaras dengan lonjakan pertumbuhan perniagaan baru dalam tahun 1998 dengan bilangan sijil-sijil berkuatkuasa meningkat sebanyak 65.1% mencapai 185,934 unit (1997: 112,605 unit). Jumlah sumbangan dan jumlah penyertaan berkuatkuasa meningkat masing-masing sebanyak 92.3% dan 68.4% kepada RM312 juta dan RM13,287 juta pada akhir tahun kewangan 1998 (1997: RM162.3 juta dan RM7,892.2 juta).

Jadual 8.12

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	<i>Tahun Kewangan 1997</i>	<i>Tahun Kewangan 1998^u</i>
Aset (RM juta)	565.7	686.0
Sijil Pelaburan Malaysia	99.5	113.9
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	76.1	9.9
Lain-lain ¹	390.1	562.3
Perniagaan Baru Takaful Keluarga:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	79.2	119.8
Bilangan penyertaan (RM juta)	2,317.8	6,292.7
Bilangan sijil (RM juta)	50,005.0	66,037.0
Perniagaan Berkuatkuasa		
Jumlah sumbangan (RM juta)	162.3	312.0
Bilangan penyertaan (RM juta)	7,892.2	13,287.0
Bilangan sijil	112,605.0	185,934.0
Perniagaan Takaful Am		
Caruman Kasar	92.1	122.6
Tuntutan pembayaran bersih	16.1	17.5

^u Data belum audit

¹ Termasuk saham, wang tunai dan baki serta aset lain.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan MNI Takaful Sdn. Berhad.

Perniagaan takaful am yang menawarkan perlindungan marin, motor, kebakaran, kemalangan persendirian secara kumpulan dan kejuruteraan terus mencatatkan pertumbuhan pesat dalam sumbangan kasar sebanyak 33.1% kepada RM122.6 juta pada tahun kewangan 1998, selepas mencatatkan pertumbuhan pada kadar 37.5% pada tahun 1997. Namun demikian, jumlah tuntutan pembayaran bersih bagi tahun kewangan 1998 meningkat secara perlahan sebanyak 8.5%, daripada RM16.1 juta kepada RM17.5 juta berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 11.8% dalam tahun 1997.

Pertumbuhan yang pesat dalam perniagaan takaful ini adalah terutamanya berpunca daripada perkembangan rangkaian pengedaran dengan pembukaan beberapa pejabat cawangan dan kaunter takaful di seluruh negara bagi menggalakkan lagi penjualan keluaran takaful di seluruh kaunter takaful dan 36 buah pejabat cawangan di seluruh negara.

Pasaran Modal

Dana bersih jangka panjang yang diperolehi daripada kedua-dua sektor awam dan swasta melalui pasaran modal dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 merosot dengan pesat sebanyak 89.1% kepada RM2.5 bilion daripada RM23 bilion yang dikumpulkan pada tempoh yang sama tahun 1997, seperti ditunjukkan di Jadual 8.13. Kemerosotan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan jumlah dana yang dikumpulkan oleh sektor swasta sebanyak RM3.1 bilion akibat daripada aktiviti ekonomi yang perlahan dan kelemahan sentimen di pasaran ekuiti. Walau bagaimanapun, sektor awam, mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM546 juta pada lapan bulan pertama tahun 1998 berbanding dengan penebusan sebanyak RM3.8 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997.

Pada lapan bulan pertama tahun 1998, sektor awam memperoleh dana melalui terbitan MGS dan bon Khazanah. Dalam tempoh tersebut, Kerajaan mengapungkan RM4.5 bilion MGS untuk mengimbangi penebusan sekuriti serta memenuhi permintaan institusi perbankan bagi memenuhi keperluan aset mudahtunai, Khazanah Berhad juga memperoleh sejumlah RM1.3 bilion menerusi terbitan bon Khazanah. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM4.7 bilion MGS dan RM924 juta Bon Simpanan Kerajaan telah ditebus.

Kemerosotan dana bersih yang diperolehi oleh sektor swasta pada lapan bulan pertama tahun 1998 adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam terbitan saham. Jumlah dana kasar yang diperolehi oleh sektor swasta menerusi pasaran ekuiti telah berkurangan sebanyak 88.8% atau RM1.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan RM14.2 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997. Dari jumlah ini, sebanyak RM657 juta diperolehi menerusi terbitan awam, RM627 juta menerusi terbitan hak dan RM300 juta menerusi tawaran persendirian.

Begitu juga, jumlah dana kasar yang diperolehi daripada pasaran PDS telah merosot dengan pesat sebanyak 61% kepada RM5.5 bilion, berbanding dengan RM14.1 bilion yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun 1997. Terbitan baru PDS disalurkan sebahagian besarnya bagi memenuhi pembiayaan untuk sektor pembuatan dan sektor pembinaan. Dana-dana ini diperolehi menerusi terbitan bon Cagamas (RM3 bilion) terbitan bon langsung (RM2 bilion), terbitan bon Islam (RM345 juta) dan terbitan bon boleh-tukar (RM55 juta). Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, dana bersih sebanyak RM1.5 bilion telah diperolehi daripada pasaran PDS berikutan dengan jumlah penebusan bersih berjumlah RM4 bilion. Oleh itu, setelah mengambilkira penebusan dan pembayaran balik, dana bersih yang diperolehi daripada sektor swasta merosot sebanyak 88.6% kepada RM3 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan RM26.7 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997.

Cagamas Berhad, yang merupakan perbadanan gadai-panji negara, telah mengumpul sejumlah RM10,935 juta daripada 14 terbitan nota Cagamas dan RM2,970 juta daripada 8 terbitan bon Cagamas dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 (Januari-Ogos 1997: berjumlah RM7,630 juta daripada 12 terbitan nota Cagamas dan RM2,215 juta daripada 6 terbitan bon Cagamas). Nota-nota ini dengan tempoh matang antara tiga hingga sembilan bulan terutamanya diterbitkan bagi memenuhi keperluan pembiayaan jangka pendek. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, Cagamas Berhad membeli sejumlah RM4,375 juta pinjaman perumahan, berbanding dengan RM4,429 juta dalam tempoh yang sama tahun 1997. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 77.1% (RM3,374 juta) dibeli daripada institusi kewangan,

Jadual 8.13

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal

	1997 Januari-Ogos RM juta	1998 ^a Januari-Ogos RM juta
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Hutang	0.0	5,827
Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.0	4,500
Bon Khazanah	0.0	1,327
Tolak: Penebusan	3,756	6,374
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,320	4,700
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,400	750
Bon Simpanan Malaysia	36	924
Dana bersih yang diperolehi	-3,756	-546
Oleh Sektor Swasta		
Pasaran Saham	14,175	1,582
Terbitan awam	3,505	656
Terbitan hak	6,078	626
Terbitan khas ¹	1,510	0
Tawaran Persendirian ²	3,081	299
Sekuriti Hutang ³ (kasar)	14,111	5,503
Bon langsung	3,473	2,033
Bon boleh-tukar	1,992	54
Bon berasaskan prinsip Islam	4,021	345
Bon dengan waran	2,410	100
Bon Cagamas	2,215	2,970
Tolak: Penebusan	1,541	4,034
Terbitan bersih sekuriti hutang	12,570	1,468
Dana bersih sekuriti yang diperolehi	26,745	3,051
JUMLAH	22,989	2,505

^a Data awalan.

¹ Termasuk terbitan khas kepada Bumiputera dan pelabur terpilih.

² Termasuk tawaran jualan terhad.

³ Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi setahun.

Sumber: BNM

manakala 22.9% (RM1,001 juta) adalah daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, **Rating Agency Malaysia Berhad (RAM)** hanya menyiapkan satu penarafan hutang korporat bernilai RM300 juta (Januari-Ogos 1997: 32 penarafan bernilai RM10,354 juta). Ini mencerminkan keputusan kebanyakan syarikat untuk mengurangkan atau menangguhkan perbelanjaan modal di dalam keadaan peningkatan kadar faedah dan ketidaktentuan ekonomi pada masa ini. Semenjak penubuhan RAM pada tahun 1990 sehingga bulan Ogos 1998, sebanyak 400 penarafan terbitan korporat telah dinilai melibatkan RM65.8 bilion. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, tiada sebarang terbitan jaminan bank dilakukan berbanding dengan 16 terbitan bernilai RM1,404 juta pada tempoh yang sama tahun 1997. Sehingga kini, RAM telah menyiapkan 15 penarafan institusi kewangan yang merangkumi 7 buah bank perdagangan, 5 buah bank saudagar, 2 buah syarikat kewangan dan satu IPP. Agensi Penarafan Kedua, Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC) yang ditubuhkan pada bulan September 1996, telah menyiapkan 5 penarafan terbitan hutang korporat bernilai RM1,637 juta dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1998.

Bursa Saham Kuala Lumpur


Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memasuki tahun 1998 dengan prestasi yang lemah, akibat sentimen yang merosot semenjak separuh kedua tahun 1997. Ini disebabkan tekanan akibat penyusutan matawang-matawang serantau serta kebimbangan berkaitan dengan kedudukan sektor korporat tempatan. Sentimen pasaran pulih pada bulan Mac berikutan dengan pengumuman Kerajaan mengenai pelaksanaan langkah-langkah penstabilan dan liberalisasi ekuiti. Walau bagaimanapun, aliran peningkatan ini mula berubah semula pada bulan Mei akibat kebimbangan mengenai kemungkinan kemelesetan, pergolakan sosial di Indonesia dan penyusutan yen Jepun. Sentimen BSKL bertambah merosot pada bulan Julai dan Ogos disebabkan kebimbangan mengenai perkembangan politik dan kewangan Jepun, penguncupan yang ketara daripada yang diramalkan KDNK dan kedudukan kewangan sektor korporat. Penunjuk pasaran, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) merosot kepada paras terendah dalam tempoh 11 tahun iaitu 261.33 mata pada 1

September 1998. Walau bagaimanapun, KLCI pulih kepada 389.08 mata pada 15 September 1998. Pemulihan ini dipengaruhi oleh sentimen yang positif berikutan pengenalan kawalan modal terpilih oleh BNM bagi membendung ekonomi daripada kesan penularan serantau dan krisis kewangan global melalui pengenalan langkah-langkah baru oleh BSKL untuk memastikan pasaran sekuriti Malaysia berada dalam keadaan teratur dan saksama dan langkah-langkah untuk mempertingkatkan ketelusan pasaran serta melindungi para pelabur dan penetapan kadar pertukaran ringgit pada RM1=AS\$0.2632 pada 2 September 1998.

Sentimen pasaran di BSKL bercampur-campur pada suku pertama tahun 1998. Pada awal bulan Januari, KLCI jatuh kepada 491.60 mata pada 9 Januari 1998, di bawah paras 500 mata bagi pertama kali dalam tempoh tujuh tahun setengah berikutan pasaran matawang serantau yang merosot dengan ketara dan kelemahan ringgit yang mencecah RM4 kepada satu dolar AS pada 5 Januari 1998 dan laporan kurang menggalakkan berkaitan dengan kedudukan pinjaman luar negeri akibat daripada penyusutan nilai ringgit. KLCI melonjak pada pertengahan Januari sebelum ditutup pada 569.51 mata pada akhir bulan tersebut. Aliran peningkatan pada awal bulan Februari adalah disebabkan perkembangan positif pasaran serantau dan kukuhannya ringgit dan KLCI mencatatkan kenaikan sebanyak 131.80 mata kepada 701.31 mata pada 3 Februari 1998, iaitu 18.0% lebih tinggi daripada indeks di akhir tahun 1997. Kestabilan pasaran adalah disebabkan oleh tindakbalas daripada liberalisasi penyertaan ekuiti asing dalam sektor telekomunikasi daripada 30% kepada 49%, pengumuman Kerajaan mengenai langkah-langkah penstabilan dan perkembangan yang menggalakkan berkaitan dengan penggabungan syarikat-syarikat kewangan. Dengan ini, KLCI ditutup tinggi pada 719.52 mata pada akhir bulan Mac (akhir 1997: 594.44 mata).


Pada suku kedua tahun 1998, sentimen kurang menggalakkan kembali semula di BSKL, selaras dengan prestasi bursa-bursa serantau yang lain dan ditambah dengan kebimbangan terhadap keadaan sektor korporat, syarikat-syarikat broker saham dan kemerosotan keadaan ekonomi tempatan. KLCI kembali kepada aliran menurun pada bulan April, Mei dan Jun untuk ditutup pada suku kedua pada 455.64 mata. Walaupun pasaran bertindak secara positif terhadap penubuhan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), terdapat kebimbangan berterusan berkenaan penguncupan ekonomi Malaysia,

Carta 8.3
Bursa Saham



1/ Indeks penutup bulanan

2/ Skil kanan



1/ Merujuk kepada Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

kelemahan yen dan kemerosotan ekonomi Jepun dan pergolakan sosial yang berterusan di Indonesia. Pada bulan Julai dan Ogos sentimen terus merosot yang dipengaruhi oleh ketidak tentuan pergerakan yen berbanding dolar AS, penurunan penarafan, penguncupan sektor ekonomi benar dan penyemakan semula unjuran pertumbuhan yang menurun. KLCI yang jatuh di bawah paras 400 mata pada 29 Julai iaitu 385.97 mata untuk ditutup pada 302.91 mata pada 28 Ogos 1998, paras yang terakhir pernah didecah pada bulan April 1988 berikutan kejatuhan mendadak indeks Dow Jones dan Nikkei. Pada 1 September, ia jatuh ke paras terendah 'intra-day' pada 261.33 mata. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran pulih dengan KLCI meningkat 28.4% berbanding dengan paras yang dicatatkan pada akhir bulan Ogos 1998 dengan mencecah 389.08 mata pada 15 September 1998 berikutan dengan kepada pengenalan langkah-langkah baru kawalan modal oleh Kerajaan dan langkah-langkah BSKL untuk mempertingkatkan ketelusan dagangan dalam pasaran sekuriti Malaysia.

Mencerminkan aliran menurun indeks-indeks pasaran utama, jumlah nilai pasaran BSKL merosot mendadak sebanyak 32.2% atau RM120.9 bilion daripada RM375.8 bilion pada akhir tahun 1997 kepada RM255 bilion pada akhir 15 September 1998. Begitu juga dengan jumlah pusing ganti urusaniaga merosot mendadak sebanyak 31.9% kepada 38.08 bilion unit, berbanding dengan peningkatan 17.4% pada tempoh yang sama tahun 1997. Nilai pusing ganti juga jatuh sebanyak 76.4% kepada RM81.50 bilion, berbanding dengan peningkatan RM31.28 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997. Maka, kecairan pasaran yang diukur melalui pusing ganti kepada nilai pasaran merosot 42.9% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1997. Dalam tempoh lapan setengah bulan pertama tahun 1998, sebanyak 26 syarikat baru disenaraikan dengan melibatkan modal nominal sebanyak RM1.3 bilion di BSKL (Januari-Ogos 1997: 61 syarikat, RM7.3 bilion). Daripada jumlah ini, sebanyak 5 buah syarikat telah disenaraikan di Papan Utama dan 21 buah syarikat di Papan Kedua. Dengan ini, bilangan syarikat yang disenaraikan di BSKL mencapai 734 buah pada 15 September (15 September 1997: 681).

Dari segi sektor, pergerakan indeks-indeks BSKL mencatatkan kejatuhan dua-angka dalam tempoh sembilan setengah bulan pertama tahun 1998, berikutan sentimen pasaran yang lemah.

Jadual 8.14**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Utama**

	1997	1998 15 September
Indeks Harga¹		
Komposit	594.44	389.08
Emas	151.21	101.70
Papan Kedua	162.93	93.41
Perusahaan	1,107.59	749.59
Kewangan	3,273.22	2,375.54
Harta Benda	760.90	546.70
Perladangan	1,837.22	1,313.50
Perlombongan	172.32	129.22
Nisbah Harga Perolehan ¹	10.3	14.6
Nilai Pasaran ¹ (RM bilion)	375.8	255
Bilangan syarikat yang disenaraikan ¹	708	734
Urusniaga²		
Jumlah (juta unit)	72.77	38.08
Nilai (RM juta)	408.55	81.50

¹ Pada akhir tempoh.² Bagi urusniaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kemerosotan harga saham yang mendadak adalah bagi sektor pembinaan (-33.3%), dan diikuti dengan keluaran industri (-32.3%), perdagangan dan perkhidmatan (-30.1%), perladangan (-28.5%), hartanah (-28.2%), kewangan (-27.4%), keluaran pengguna (-27.2%) dan perlombongan (-25.0%).

Beberapa langkah pengawalan dan perundangan diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1998 bertujuan mempertingkatkan perlindungan ke atas pelabur, memastikan kestabilan sistemik, menggalakkan inovasi dan daya saing dan menyediakan persekitaran yang saksama dan tersusun bagi urusniaga sekuriti. Langkah-langkah ini termasuk:

(i) **Pengenalan peruntukan baru atau pindaan ke atas Akta Industri Sekuriti 1983 (SIA)** adalah bertujuan untuk meningkatkan keluasan dan tahap penguatkuasaan, perlindungan bagi pelabur dan menggalakkan integriti pasaran. Pindaan ke atas SIA dan pengenalan peruntukan-peruntukan baru, yang berkuatkuasa pada 1 April 1998 adalah seperti berikut:

— **Urusniaga dalaman**

Pindaan ke atas urusniaga dalaman akan memperluaskan definisi seseorang yang boleh didakwa di atas urusniaga dalaman. Pertama, seseorang yang mempunyai maklumat dalaman adalah dilarang daripada membuat urusniaga di dalam sekuriti tertentu. Kedua, seseorang yang mempunyai maklumat dalaman juga dilarang menyampaikan maklumat berkenaan.

Orang dalaman tidak lagi didefinisikan sebagai pemegang fidusiari seperti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau Pengarah, tetapi meliputi semua orang yang berupaya memperoleh maklumat yang secara amnya tidak berupaya memperolehnya. Mereka ini mungkin termasuk ahli keluarga Pengarah, sebarang badan korporat yang ada kaitan dengan pengarah atau pemegang saham utama. Sebagai tambahan, seseorang yang memberi maklumat dalaman bagi membolehkan seorang yang lain menggunakannya untuk kepentingannya, orang kedua yang disebut sebagai "tippee" juga boleh didakwa untuk urusniaga dalaman. Definisi sebelum ini di bawah seksyen 89 dan 90, mentafsirkan hanya merujuk kepada pegawai-pegawai, agen atau pekerja syarikat atau pegawai bursa saham.

— **Kuasa sivil**

Seksyen baru telah ditambah dalam SIA, membolehkan SC atau mana-mana orang yang mengalami kerugian daripada amalan manipulasi pasaran dan urusniaga dalaman boleh diambil tindakan sivil terhadap mereka yang

bersalah bagi memperoleh kembali kerugian tersebut. Kes ini akan dikenakan terhadap pesalah walaupun mereka tidak didakwa atau didapati bersalah dalam sebarang tindakan di bawah undang-undang jenayah.

Hukuman sivil akan membenarkan pampasan sepenuhnya bagi setiap kerugian dan meliputi sepenuhnya peruntukan di bawah Seksyen 100 SIA serta di bawah kuasa sedia ada Mahkamah Malaysia. Hukuman jenayah ini adalah penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang daripada sejuta ringgit.

— **Kuasa ke atas pengarah-pengarah syarikat**

Satu seksyen telah ditambah di dalam SIA dengan memberi kuasa kepada SC mengarahkan CEO atau pengarah syarikat awam mendedahkan kepentingan mereka di syarikat yang disenaraikan dan sekutunya. Sebagai tambahan, di bawah Peraturan Industri (Laporan Pemegang Saham Utama) yang dikuatkuasakan pada 1 Mei 1998, pemegang saham utama di dalam sesebuah syarikat dikehendaki memberi notis kepada SC berkaitan dalam sebarang kepentingannya. Keperluan pendedahan ini bersama-sama dengan undang-undang sivil yang digunakan akan menjadi penghalang utama kepada manipulasi pasaran dan amalan urusan niaga dalaman. SC juga diberi kuasa untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk memecat CEO atau pengarah dalam syarikat yang disenaraikan yang mana telah diisytihar bankrap atau seseorang yang telah melanggar peruntukan undang-undang sekuriti atau seseorang yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah bagi kesalahan jenayah. Sebagai tambahan, SC mempunyai kuasa untuk menyelidiki akaun seseorang yang mempunyai kaitan atau nomini yang didapati berurusan dengan sekuriti yang disenaraikan dan syarikat awam yang tidak tersenarai.

(ii) **Pengetatan peraturan urusan niaga pihak-pihak berkaitan dan pihak-pihak berkepentingan** dalam membuat pertimbangan berkaitan potensi untuk menyalahgunakan sebarang urusan niaga. Pihak SC telah menjalankan penyemakan semula peraturan berkaitan pihak-pihak berkaitan/pihak-pihak berkepentingan dalam sebarang urusan niaga di bawah Peraturan Penyenaraian BSKL dan seterusnya memperkukuhkan lagi peraturan bagi melindungi para pelabur. Peraturan yang sedia ada akan diperluaskan meliputi:

- Meliputi urusan niaga melibatkan kepentingan seseorang yang berkaitan dengan pengarah dan pemegang saham utama;
- Keperluan untuk pendedahan yang lebih luas dalam pengumuman bagi sebarang urusan niaga menerusi edaran kepada pemegang saham;
- Keperluan untuk melantik penasihat korporat bagi memastikan sebarang urusan niaga adalah adil dan munasabah;
- Keperluan lembaga-lembaga pengarah untuk menyatakan sebarang urusan niaga adalah untuk kepentingan syarikat; dan
- Melarang seseorang yang berkepentingan dalam sebarang urusan niaga daripada mengundi.

(iii) **Mempertingkatkan piawaian pengurusan korporat:**

Komponen utama dalam menyediakan arah peraturan berasaskan pendedahan adalah mempertingkatkan pengurusan korporat yang berhemat dalam syarikat dan ketelusan mekanisma-mekanisma yang digunakan. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Kewangan untuk Pengurusan Korporat yang merangkumi wakil sektor awam serta swasta dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan telah ditubuhkan pada bulan Mac 1998 bertujuan memajukan rangka kerja pengurusan korporat dan menetapkan amalan piawaian terbaik bagi industri sekuriti.

(iv) **Memudahkan dan mempertingkatkan skim pampasan pelabur**

- Dana Pampasan yang diuruskan oleh BSKL telah dinaikkan dan langkah-

langkah pentadbiran diperkenalkan untuk memastikan tuntutan pampasan diuruskan secara berkesan;

- Skim Bayaran Balik Pelabur diperkenalkan oleh SC yang mana SC akan mengenalpasti syarikat-syarikat yang memenuhi kriteria kualiti dan kuantiti yang ditetapkan oleh SC dan menentukan kepentingan mereka dalam mengambilalih sebarang syarikat yang terletak di bawah larangan urusan niaga bagi mengambilalih liabiliti-liabiliti terhutang oleh pelanggan 'bona fide'. Melalui Skim Bayaran Balik ini, sebarang syarikat broker saham yang sanggup memenuhi kriteria SC dikehendaki menyumbang sejumlah dana kepada skim ini sebagai kelulusan bagi menubuhkan cawangan baru atau cawangan-cawangan yang dianggap sesuai.

(v) Pasaran utama dan peningkatan modal

Dengan keadaan ekonomi semasa, SC di antara lain mengambil langkah-langkah berikut untuk meringankan beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan bagi memperoleh dana di pasaran modal:

- Memansuhkan kebanyakan larangan untuk pertimbangan penyenaian baru, operasi peningkatan modal dan skim pengstrukturkan semasa yang dikenakan pada 5 Disember 1997;
- Meliberalisasikan peraturan berkaitan dengan waran dan sekuriti boleh tukar seperti berikut:
 - (a) Had penerbitan sekuriti boleh tukar, yang sebelumnya ditetapkan sebanyak 50% daripada terbitan syarikat dan modal berbayar telah dimansuhkan;
 - (b) Penyertaan waran dengan saham hak dibenarkan; dan
 - (c) Penerbitan waran terdedah dibenarkan di bawah keadaan tertentu; dan

- Membenarkan pencairan perolehan setiap saham akibat pengambilalih dan membenarkan pengagihan keuntungan yang diramal di dalam dokumen awam.

Langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan ketelusan dan membendung urusan niaga luar pesisir sekuriti Malaysia.

Sebagai tambahan kepada langkah yang diperkenalkan oleh SC, langkah-langkah baru telah diambil untuk memperluaskan ketelusan BSKL dan membendung urusan niaga sekuriti yang disenaraikan di BSKL daripada urusan niaga luar pesisir. Melalui perubahan peraturan, undang-undang dan prosedur BSKL, Perkhidmatan Rangkaian Automasi Sekuriti Sdn. Bhd. (SCAN) dan depositari pusat, iaitu Depositari Pusat Malaysia Sdn. Bhd. (MCD), langkah-langkah yang berkuatkuasa pada 1 September 1998 adalah seperti berikut:-

- **Urusniaga di BSKL – sekuriti tersenarai:-** seluruh urusan sekuriti yang disenaraikan di BSKL harus menerusi BSKL atau pasaran stok yang diiktiraf sahaja; semua urusan sekuriti di BSKL harus menerusi sistem urusan niaga BSKL (kecuali dengan kebenaran); syarikat-syarikat broker saham mesti memastikan bahawa mereka tidak membantu sesiapa sahaja dalam menubuhkan pasaran yang lain bagi sekuriti Malaysia.
- **Keperluan pendedahan baru:** 'peraturan kenalilah pelanggan anda', nama dan keterangan benefisiari didedahkan; setiap akaun Sistem Depositari Pusat (CDS) yang dijalankan oleh nomini hanya boleh untuk seorang benefisiari sahaja;
- **Perniagaan luar-pasaran dan penjelasan dan penyelesaiannya:** meliputi had silang dan urusan niaga bersatu sahaja; dijelas dan diselesaikan menerusi SCAN;
- **Peraturan baru MCD termasuk:** Penerbitan baru sekuriti: semua penerbitan baru sekuriti oleh syarikat-syarikat tersenarai perlu dibuat dengan mengkreditkan sekuriti menerusi akaun CDS pemegang sekuriti; Deposit mandatori: pemegang sijil saham harus mendepositkannya ke dalam CDS.

Pengeluaran: semua pengeluaran adalah dilarang (kecuali dalam hal-hal tertentu dibenarkan dengan notis yang dikeluarkan oleh BSKL): Pemindahan: adalah dilarang.

- Selaras dengan langkah-langkah ini, semua urusniaga sekuriti Malaysia di Central Limit Book International (CLOB) diberhentikan pada 15 September 1998 dan berkuatkuasa pada 16 September 1998, semua saham yang dipegang di dalam akaun CDS oleh syarikat-syarikat broker saham dan lain-lain perantaraan kewangan yang bertindak sebagai agen untuk urusniaga di CLOB tidak lagi layak bagi semua urusniaga CDS sehingga saham-saham CLOB ini dipindahkan untuk diputuskan.

Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) menunjukkan peningkatan ketara di dalam urusniaga kontrak hadapan Indeks Komposit (CI) BSKL dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998. Ini mencerminkan keperluan bagi membuat aktiviti-aktiviti lindung nilai berikutan keadaan turun-naik yang ketara di pasaran ekuiti dan meningkatnya ketidakpastian di pasaran pertukaran matawang asing pada masa ini. KLOFFE telah mencapai jumlah kontrak purata bulanan sebanyak 78,240 kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, iaitu peningkatan sebanyak 145% daripada jumlah kontrak purata bulanan sebanyak 31,914 kontrak dalam tempoh yang sama tahun 1997. Dalam tempoh tersebut, jumlah kontrak purata harian ialah sebanyak 3,888 kontrak, iaitu peningkatan ketara sebanyak 152% berbanding dengan jumlah pada akhir tahun 1997 (1,544 kontrak). Jumlah dagangan kontrak hadapan CI BSKL mencapai rekod tertinggi dalam bulan Ogos 1998 dengan jumlah kontrak purata harian sebanyak 4,646 kontrak. Seperti tahun lepas, institusi asing merupakan pelabur utama dari segi jumlah dagangan kontrak hadapan CI BSKL, iaitu merangkumi sebanyak 54% daripada jumlah keseluruhan kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998. Urusniaga peniaga kecil tempatan merangkumi 29% daripada jumlah keseluruhan, dan diikuti oleh ahli-ahli tempatan (14%), pemilikan (2%) dan peniaga kecil asing (1%).

Jumlah dagangan tiga bulan hadapan kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) di **Bursa Kewangan Malaysia (MME)** mencatatkan pusing ganti kontrak yang sederhana sebanyak

21,824 kontrak bernilai RM21.8 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1998, berbanding 67,216 kontrak bernilai RM67.2 bilion pada tempoh yang sama tahun 1997. Pusing ganti yang merosot mencerminkan ketidakpastian arah kadar faedah. Memandangkan pelabur-pelabur lebih mengutamakan langkah melindungi daripada risiko kadar faedah dalam tempoh yang lebih panjang, kontrak yang paling aktif diniagakan adalah kontrak-kontrak pada bulan Jun 1998 (5,219 kontrak) September 1998 (5,194 kontrak) dan Disember 1998 (4,057 kontrak), iaitu merangkumi 66.3% daripada jumlah pusing ganti kontrak dalam tempoh masa kajian. Semenjak ianya dilancarkan, 'penggerak pasaran' yang merangkumi 47.0% daripada jumlah keseluruhan yang diurusniagakan, kekal sebagai peserta paling penting dalam pasaran. Walau bagaimanapun, skim penggerak pasaran telah dimansuhkan pada bulan Julai 1998. Sepanjang tempoh bulan Julai sehingga September 1998, bank-bank tempatan merupakan peserta paling aktif iaitu merangkumi 70.0% daripada jumlah urusniaga keseluruhan, diikuti oleh syarikat-syarikat asing (20.0%), peruncit (4.0%), individu tempatan (3.3%) bank-bank asing (0.8%), syarikat tempatan (0.6%) dan lain-lain (0.5%).

Industri unit amanah berkembang secara sederhana dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 selaras dengan keadaan pasaran yang perlahan. Terdapat 9 unit dana amanah dilancarkan dengan jumlah dana yang diluluskan sebanyak 3,150 juta unit (Januari-Ogos 1997: 5 unit dana amanah, 1,300 juta unit). Jumlah nilai aset bersih dana meningkat sebanyak 12.4% daripada RM33.6 bilion pada akhir tahun 1997 kepada RM37.7 bilion pada akhir bulan Ogos 1998. Nilai bersih aset dana berbanding dengan nilai permodalan pasaran BSKL adalah sebanyak 18.8% dalam tempoh yang sama. Di antara dana baru yang dilancarkan pada masa ini adalah Amanah Saham Angkasa, BHLB Pacific Dana-Ihsan, Commerce-BT Lifetime Trust (merangkumi 3 dana iaitu Future Goals Fund, Balanced Returns Fund dan Income Plus Funds), Amanah Saham Wanita, PB Balanced Fund, OSK-UOB Small Cap Opportunity Unit Trust dan Pacific Dana Aman.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, kontrak hadapan yang aktif di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) hanyalah kontrak hadapan minyak

kelapa sawit mentah (MKSM). Tiada dagangan dicatatkan bagi pasaran kontrak hadapan yang lain, iaitu, minyak isirong sawit mentah, koko dan tin yang mencerminkan kekurangan kecairan.

Dagangan dalam kontrak hadapan MKSM dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 merosot sebanyak 17.7% kepada 268,340 lot mengandungi 25 tan matrik setiap satu, berbanding 326,227 lot yang didagangkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Salah satu sebab jumlah dagangan yang didagangkan rendah ialah volatiliti harga tinggi yang dialami sepanjang tempoh tersebut. Harga yang cepat berubah ini telah menjanakan keadaan tidak menentu yang membuatkan pasaran lebih berhati-hati, menyebabkan pusing ganti dan kedudukan terbuka (open position) merosot. Satu lagi sebabnya ialah margin yang tinggi yang dikenakan oleh rumah penjelasan bagi volatiliti

yang lebih tinggi. Margin dan kadar faedah yang tinggi yang dialami dalam tempoh mulai November 1997 hingga Ogos 1998 menyebabkan peningkatan kos dalam perlindungan (hedging) dan dagangan di BKKL. Oleh yang demikian, ramai telah beralih kepasaran fizikal untuk perlindungan. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998, 6.71 juta tan matrik MKSM telah diniagakan dimana ianya 26.8% lebih tinggi daripada apa yang dihasilkan (5.29 juta tan matrik) dalam tempoh yang sama. Purata pusing ganti harian dalam tempoh tersebut merosot daripada 2,001 lot atau 50,025 tan matrik pada tahun 1997 kepada 1,656 lot atau 41,400 tan matrik setiap hari yang diniagakan pada tahun 1998. Harga purata penyelesaian bagi tempoh suku pertama tahun 1998 ialah sebanyak RM2,301 setan matrik manakala bagi tempoh suku kedua ialah RM2,376 se tan matrik.